

**PENGGUNAAN SUMBER ELEKTRONIK DI KALANGAN PELAJAR-  
PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA**

**AZLINA MOHD YAZID**

**FACULTY OF COMPUTER SCIENCE AND INFORMATION  
TECHNOLOGY UNIVERSITY OF MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2004**

**PENGGUNAAN SUMBER ELEKTRONIK DI KALANGAN PELAJAR-  
PELAJAR FAKULTI PENDIDIKAN UNIVERSITI MALAYA**

**AZLINA MOHD YAZID**

**THESIS SUBMITTED IN FULFILMENT OF THE  
REQUIREMENTS FOR THE DEGREE OF MASTER OF  
INFORMATION SCIENCE**

**FACULTY OF COMPUTER SCIENCE AND INFORMATION  
TECHNOLOGY UNIVERSITY OF MALAYA**

**KUALA LUMPUR**

**2004**

## ABSTRAK

Kajian ini meninjau bagaimana pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya menggunakan sumber elektronik yang disediakan oleh pihak universiti kepada mereka. Bagi tujuan tersebut, seramai 101 orang pelajar dari pelbagai jabatan, meliputi pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah lanjutan telah menjawab soal selidik yang disediakan. Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik. Penemuan mendapati, seramai 50.5% pelajar paling kerap menggunakan Internet, diikuti dengan 23.2% penggunaan OPAC, 13.4% jurnal elektronik, 8.8% pangkalan data elektronik dan 3.6% CD-ROM ketika mencari maklumat. Data tersebut juga menunjukkan, seramai 57.4% responden mengatakan Internet adalah sumber yang paling tepat menyediakan maklumat kepada mereka. Tujuan mereka menggunakan sumber elektronik adalah untuk menyiapkan tugas, mendapatkan bahan untuk presentation, menyiapkan disertasi menambah pengetahuan dan lain-lain lagi. Kebanyakan responden yang diselidiki mempelajari menggunakan sumber elektronik daripada kawan-kawan, mencuba dan mengalami kesilapan, belajar sendiri, melalui kursus yang ditawarkan di universiti dan sebagainya. Namun begitu, terdapat beberapa masalah yang dihadapi oleh pelajar-pelajar ketika menggunakan sumber elektronik. Antara masalah tersebut ialah bahan tidak disediakan dalam teks penuh, masa pencarian yang lama, susah atau lambat dihubungkan, *server down*, masalah bahasa dan lain-lain. Beberapa cadangan telah diutarakan oleh pengkaji bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti melalui kajian ini. Ini termasuklah cadangan untuk mewajibkan pelajar mengikuti kelas kemahiran maklumat, memantau pengetahuan pelajar, menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai sumber elektronik, menyediakan latihan yang secukupnya, mengatasi masalah yang sering dialami oleh pelajar dan memperbanyakkan program kemahiran maklumat.

## ABSTRACT

This research examines how students at the Faculty of Education, University of Malaya use the electronic resources that have been provided by the university for their use. For this purpose, a questionnaire was completed by 101 students from various departments, including students from the undergraduate and postgraduate levels. In conducting the project, the researcher chose to use the survey method which used a questionnaire. The findings indicate that 50.5% students frequently used the Internet, followed by 23.2% using the OPAC, 13.4% using electronic journals, 8.8% using electronic databases and 3.6% using CD-ROMs. The findings also show that 57.4% respondents claims that Internet is the most reliable resource in providing information to them. The purposes of the students using the electronic resources are completing their assignments, reference in preparing for their presentations, completing their dissertation, expanding knowledge and for other reasons. Most respondents claimed that they learned to use the electronic resources from their colleagues, trial and error, own initiatives and through courses that offered by the university. There were a problems faced by the students while using the electronic resources. Among the problems were difficulties to get the full text of the references, slow searching, technical problems, server down and language problems. A few suggestions are presented to overcome the problems. These include a proposal to make compulsory for the students to attend courses on information skills, providing intensive training, solving the problems which always faced by the students and diversifying courses on information skills.

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum,

Syukur ke Hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya penyelidikan sarjana ini dapat disempurnakan jua akhirnya. Ucapan terima kasih yang tidak terhingga ini ditujukan khas buat Prof. Madya Dr. Diljit Singh Balwant Singh kerana sanggup menerima untuk menyelia penyelidikan ini. Tanpa bantuan, pandangan dan dorongan yang diberikan, sudah tentu pengkaji tidak akan sampai ke tahap ini. Tidak dilupakan Prof. Madya Edzan Haji Nasir dan semua pensyarah yang telah mencurahkan bakti sepanjang pengkaji berada di sini.

Ucapan terima kasih ini juga diberikan kepada pembantu-pembantu pelajar pengkaji yang berada di Fakulti Pendidikan seperti saudari Zamzarina Zakaria, saudari Alimul Muniroh dan saudari Anna kerana sudi meluangkan masa membantu mengedarkan dan mengumpulkan kembali soal selidik daripada pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan. Segala jasa dan pengorbanan ini amatlah dihargai oleh pengkaji. Turut diingati, Puan Zalila Isa yang sudi memberi bantuan menyemak kembali ejaan dan tatabahasa yang dilakukan oleh pengkaji.

Penghargaan yang tidak ternilai juga ditujukan khas kepada emak yang berada di Bahau, Negeri Sembilan kerana sentiasa memberi galakan dan dorongan agar pengkaji menyiapkan segera penyelidikan ini. Akhirnya pengkaji telah berjaya menyiapkan penyelidikan ini dalam satu semester sahaja. Kepada ahli keluarga dan keluarga mertua, terima kasih daun keladi di atas pertolongan yang diberikan.

Buat suami tercinta Mohd Dzuraidi Abu Talib, didoakan agar terus maju ke hadapan untuk mencapai cita-cita yang diimpikan. Segala pengorbanan dan semangat yang diberikan tidak dapat dilupakan. Akhir sekali, buat teman-teman seperjuangan di Universiti Malaya, terima kasih di atas segala bantuan yang diberikan. Semoga Allah membalas jasa-jasa kalian.

Wassalam...

**SENARAI KANDUNGAN****KANDUNGAN****MUKA SURAT**

HALAMAN DEPAN	i
ABSTRAK	ii
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	iv
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	viii

**BAB 1 - PENGENALAN**

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Fakulti Pendidikan Universiti Malaya	3
1.2 Pernyataan Masalah	5
1.3 Objektif	6
1.4 Persoalan Kajian	7
1.5 Kepentingan Kajian	7
1.6 Skop Dan Batasan	8
1.7 Definisi	8
1.8 Kesimpulan	12

**BAB 2 – ULASAN PENULISAN**

2.0 Pendahuluan	13
2.1 Penggunaan Sumber Elektronik Di Institusi Pengajian Tinggi	14
2.2 Faedah Penggunaan Sumber Elektronik	37
2.3 Ringkasan Dapatan	38

2.4 Kesimpulan	39
----------------	----

### **BAB 3 – KAEDAH KAJIAN**

3.0 Pendahuluan	40
3.1 Kaedah Kajian	40
3.2 Populasi Dan Persampelan	41
3.3 Instrumen	42
3.4 Penyediaan Soal Selidik	44
3.5 Pilot Survey	44
3.6 Koleksi Data	45
3.7 Kelemahan Koleksi Data	46
3.8 Analisis Data	46
3.9 Kesimpulan	47

### **BAB 4 – ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

4.0 Pendahuluan	48
4.1 Profil Peribadi	48
4.2 Penggunaan Sumber Elektronik	51
4.3 Pendedahan Terhadap Komputer Dan Latihan Yang Didapati	122
4.4 Masalah Penggunaan	142
4.5 Perbincangan	160
4.6 Kesimpulan	163

**BAB 5 – CADANGAN DAN KESIMPULAN**

5.0 Pendahuluan	164
5.1 Dapatan Persoalan Kajian	164
5.2 Cadangan	168
5.3 Kajian Lanjutan	171
5.4 Kesimpulan.	172
LAMPIRAN A: BORANG SOAL SELIDIK	174
BIBLIOGRAFI	178



**SENARAI JADUAL**

	<b>Muka surat</b>
Jadual 4.1: Status responden	49
Jadual 4.2: Umur responden	50
Jadual 4.3: Jantina responden	50
Jadual 4.4: Dari mana dengar tentang sumber elektronik	51
Jadual 4.4a: Tabulasi silang dari mana dengar sumber elektronik dengan status responden	52
Jadual 4.4b: Tabulasi silang dari mana dengar sumber elektronik dengan umur responden	53
Jadual 4.4c: Tabulasi silang dari mana dengar sumber elektronik dengan jantina responden	54
Jadual 4.5: Dari mana selalu menggunakan sumber elektronik	55
Jadual 4.5.1a: Tabulasi silang pusat komputer universiti dengan status	56
Jadual 4.5.1b: Tabulasi silang pusat komputer universiti dengan umur	56
Jadual 4.5.1c: Tabulasi silang pusat komputer universiti dengan jantina	57
Jadual 4.5.2a: Tabulasi silang makmal komputer fakulti dengan status	58
Jadual 4.5.2b: Tabulasi silang makmal komputer di fakulti dengan umur	58
Jadual 4.5.2c: Tabulasi silang makmal komputer di fakulti dengan jantina	59
Jadual 4.5.3a: Tabulasi silang perpustakaan dengan status	59
Jadual 4.5.2b: Tabulasi silang perpustakaan dengan umur	60
Jadual 4.5.3c: Tabulasi silang perpustakaan dengan jantina	60
Jadual 4.5.4a: Tabulasi silang kedai siber dengan status	61
Jadual 4.5.4b: Tabulasi silang kedai siber dengan umur	61

Jadual 4.5.4c: Tabulasi silang kedai siber dengan jantina	62
Jadual 4.5.5a: Tabulasi silang rumah dengan status	63
Jadual 4.5.5b: Tabulasi silang rumah dengan umur	63
Jadual 4.5.5c: Tabulasi silang rumah dengan jantina	64
Jadual 4.6: Sumber elektronik yang sering digunakan	65
Jadual 4.6.1a: Tabulasi silang internet dengan status	66
Jadual 4.6.1b: Tabulasi silang Internet dengan umur	66
Jadual 4.6.1c: Tabulasi silang Internet dengan jantina	67
Jadual 4.6.2a: Tabulasi silang OPAC dengan status	67
Jadual 4.6.2b: Tabulasi silang OPAC dengan umur	68
Jadual 4.6.2c: Tabulasi silang OPAC dengan jantina	68
Jadual 4.6.3a: Tabulasi silang jurnal elektronik dengan status	69
Jadual 4.6.3b: Tabulasi silang jurnal elektronik dengan umur	70
Jadual 4.6.3c: Tabulasi silang jurnal elektronik dengan jantina	70
Jadual 4.6.4a: Tabulasi silang pangkalan data elektronik dengan status	71
Jadual 4.6.4b: Tabulasi silang pangkalan data elektronik dengan umur	71
Jadual 4.6.4c: Tabulasi silang pangkalan data elektronik dengan jantina	72
Jadual 4.6.5a: Tabulasi silang CD-ROM dengan status	73
Jadual 4.6.5b: Tabulasi silang CD-ROM dengan umur	73
Jadual 4.6.5c: Tabulasi silang CD-ROM dengan jantina	74
Jadual 4.6.6a: Tabulasi silang buku elektronik dengan status	74
Jadual 4.6.6b: Tabulasi silang buku elektronik dengan umur	75
Jadual 4.6.6c: Tabulasi silang buku elektronik dengan jantina	75
Jadual 4.7: Sumber yang paling tepat menyediakan maklumat	76

Jadual 4.7a:	Tabulasi silang sumber yang paling tepat menyediakan maklumat dengan status	77
Jadual 4.7b:	Tabulasi silang sumber yang paling tepat menyediakan maklumat dengan umur	78
Jadual 4.7c:	Tabulasi silang sumber yang paling tepat menyediakan maklumat dengan jantina	79
Jadual 4.8:	Tujuan menggunakan sumber elektronik	80
Jadual 4.8.1a:	Tabulasi silang menyiapkan tugas dengan status	81
Jadual 4.8.1b:	Tabulasi silang menyiapkan tugas dengan umur	81
Jadual 4.8.1c:	Tabulasi silang menyiapkan tugas dengan jantina	82
Jadual 4.8.2a:	Tabulasi silang mendapatkan bahan untuk presentation dengan status	82
Jadual 4.8.2b:	Tabulasi silang mendapatkan bahan untuk presentation dengan umur	83
Jadual 4.8.2c:	Tabulasi silang mendapatkan bahan untuk presentation dengan jantina	84
Jadual 4.8.3a:	Tabulasi silang menyiapkan disertasi dengan status	84
Jadual 4.8.3b:	Tabulasi silang menyiapkan disertasi dengan umur	85
Jadual 4.8.3c:	Tabulasi silang menyiapkan disertasi dengan jantina	86
Jadual 4.8.4a:	Tabulasi silang menambah pengetahuan dengan status	86
Jadual 4.8.4b:	Tabulasi silang menambah pengetahuan dengan umur	87
Jadual 4.8.4c:	Tabulasi silang menambah pengetahuan dengan jantina	88
Jadual 4.9:	Kekerapan menggunakan sumber elektronik	88
Jadual 4.9a:	Tabulasi silang kekerapan menggunakan sumber elektronik dengan status	89
Jadual 4.9b:	Tabulasi silang kekerapan menggunakan sumber elektronik dengan umur	90

Jadual 4.9c: Tabulasi silang kekerapan menggunakan sumber elektronik dengan jantina	91
Jadual 4.10: Berapa lama menggunakan sumber elektronik	92
Jadual 4.10a: Tabulasi silang berapa lama menggunakan sumber elektronik dengan status	93
Jadual 4.10b: Tabulasi silang berapa lama menggunakan sumber elektronik dengan umur	94
Jadual 4.10c: Tabulasi silang berapa lama menggunakan sumber elektronik dengan jantina	94
Jadual 4.11: Sumbangan sumber elektronik	95
Jadual 4.11a: Tabulasi silang menjimatkan masa dengan status	96
Jadual 4.11b: Tabulasi silang menjimatkan masa dengan umur	96
Jadual 4.11c: Tabulasi silang menjimatkan masa dengan jantina	97
Jadual 4.11.1: Sumbangan sumber elektronik	98
Jadual 4.11.1a: Tabulasi silang membantu dalam tugas dengan status	98
Jadual 4.11.1b: Tabulasi silang membantu dalam tugas dengan umur	99
Jadual 4.11.1c: Tabulasi silang membantu dalam tugas dengan jantina	100
Jadual 4.11.2: Sumbangan sumber elektronik	100
Jadual 4.11.2a: Tabulasi silang maklumat yang berkualiti dengan status	101
Jadual 4.11.2b: Tabulasi silang maklumat yang berkualiti dengan umur	102
Jadual 4.11.2c: Tabulasi silang maklumat yang berkualiti dengan jantina	102
Jadual 4.11.3: Sumbangan sumber elektronik	103
Jadual 4.11.3a: Tabulasi silang maklumat terkini dengan status	104
Jadual 4.11.3b: Maklumat terkini kepada umur	105

Jadual 4.11.3c:Tabulasi silang maklumat terkini dengan jantina	106
Jadual 4.11.4: Sumbangan sumber elektronik	106
Jadual 4.11.4a:Tabulasi silang mengakses kepada maklumat yang lebih luas dengan status	107
Jadual 4.11.4b:Tabulasi silang mengakses kepada maklumat yang lebih luas dengan umur	108
Jadual 4.11.4c:Tabulasi silang mengakses kepada maklumat yang lebih luas dengan jantina	108
Jadual 4.11.5: Sumbangan sumber elektronik	109
Jadual 4.11.5a:Tabulasi silang penjimatan wang dengan status	110
Jadual 4.11.5b:Tabulasi silang penjimatan wang dengan umur	110
Jadual 4.11.5c:Tabulasi silang penjimatan wang dengan jantina	111
Jadual 4.11.6 : Sumbangan sumber elektronik	112
Jadual 4.11.6a:Tabulasi silang tambah pengetahuan dengan status	113
Jadual 4.11.6b:Tabulasi silang tambah pengetahuan dengan umur	113
Jadual 4.11.6c:Tabulasi silang tambah pengetahuan dengan jantina	114
Jadual 4.11.7 : Sumbangan sumber elektronik	114
Jadual 4.11.7a:Tabulasi silang perisian percuma dengan status	115
Jadual 4.11.7b:Tabulasi silang perisian percuma dengan umur	116
Jadual 4.11.7c:Tabulasi silang perisian percuma dengan jantina	116
Jadual 4.12: Pencarian maklumat bermasalah jika tidak guna sumber elektronik	117
Jadual 4.12a: Tabulasi silang pencarian maklumat bermasalah jika tidak guna sumber elektronik dengan status	118
Jadual 4.12b: Tabulasi silang pencarian maklumat bermasalah jika tidak guna sumber elektronik dengan umur	119
Jadual 4.12c: Tabulasi silang pencarian maklumat bermasalah jika tidak guna sumber elektronik dengan jantina	119

Jadual 4.13: Berpuas hati dengan maklumat di dalam sumber elektronik	120
Jadual 4.13a: Tabulasi silang berpuas hati dengan maklumat di dalam sumber elektronik dengan status	120
Jadual 4.13b: Tabulasi silang berpuas hati dengan maklumat di dalam sumber elektronik dengan umur	121
Jadual 4.13c: Tabulasi silang berpuas hati dengan maklumat di dalam sumber elektronik dengan jantina	122
Jadual 4.14: Tahap penggunaan komputer	123
Jadual 4.14a: Tabulasi silang tahap penggunaan komputer dengan status	123
Jadual 4.14b: Tabulasi silang tahap penggunaan komputer dengan umur	124
Jadual 4.14c: Tabulasi silang tahap penggunaan komputer dengan jantina	125
Jadual 4.15: Dari mana belajar menggunakan sumber elektronik	126
Jadual 4.15.1a: Tabulasi silang mencuba dan silap dengan status	127
Jadual 4.15.1b: Tabulasi silang mencuba dan silap dengan umur	127
Jadual 4.15.1c: Tabulasi silang mencuba dan silap dengan jantina	128
Jadual 4.15.2a: Tabulasi silang bantuan kawan-kawan dengan status	128
Jadual 4.15.2b: Tabulasi silang bantuan kawan-kawan dengan umur	129
Jadual 4.15.2c: Tabulasi silang bantuan kawan-kawan dengan jantina	130
Jadual 4.15.3a: Tabulasi silang bantuan staf perpustakaan dengan status	130
Jadual 4.15.3b: Tabulasi silang bantuan staf perpustakaan dengan umur	131
Jadual 4.15.3c: Tabulasi silang bantuan staf perpustakaan dengan jantina	131
Jadual 4.15.4a: Tabulasi silang belajar sendiri dengan status	132
Jadual 4.15.4b: Tabulasi silang belajar sendiri dengan umur	133
Jadual 4.15.4c: Tabulasi silang belajar sendiri dengan jantina	133
Jadual 4.15.5a: Tabulasi silang kursus yang ditawarkan di universiti dengan status	134

Jadual 4.15.5b: Tabulasi silang kursus yang ditawarkan di universiti dengan umur	134
Jadual 4.15.5c: Tabulasi silang kursus yang ditawarkan di universiti dengan jantina	135
Jadual 4.15.6a: Tabulasi silang bantuan daripada pensyarah dengan status	136
Jadual 4.15.6b: Tabulasi silang bantuan daripada pensyarah dengan umur	136
Jadual 4.15.6c: Tabulasi silang bantuan daripada pensyarah dengan jantina	137
Jadual 4.15.7a: Tabulasi silang kursus luar dengan status	137
Jadual 4.15.7b: Tabulasi silang kursus luar dengan umur	138
Jadual 4.15.7c: Tabulasi silang kursus luar dengan jantina	139
Jadual 4.16: Latihan yang diterima	139
Jadual 4.16a: Tabulasi silang latihan yang diterima dengan status	140
Jadual 4.16b: Tabulasi silang latihan yang diterima dengan umur	141
Jadual 4.16c: Tabulasi silang latihan yang diterima dengan jantina	141
Jadual 4.17: Masalah utama yang dihadapi ketika menggunakan sumber elektronik	142
Jadual 4.17.1a: Tabulasi silang masa pencarian yang lama dengan status	143
Jadual 4.17.1b: Tabulasi silang masa pencarian yang lama dengan umur	144
Jadual 4.17.1c: Tabulasi silang masa pencarian yang lama dengan jantina	144
Jadual 4.17.2a: Tabulasi silang teknikal dengan status	145
Jadual 4.17.2b: Tabulasi silang teknikal dengan umur	145
Jadual 4.17.2c: Tabulasi silang teknikal dengan jantina	146
Jadual 4.17.3a: Tabulasi silang kurang kemahiran dengan status	147
Jadual 4.17.3b: Tabulasi silang kurang kemahiran dengan umur	147
Jadual 4.17.3c: Tabulasi silang kurang kemahiran dengan jantina	148
Jadual 4.17.4a: Tabulasi silang susah/lambat dihubungkan dengan status	148

Jadual 4.17.4b: Tabulasi silang susah/lambat dihubungkan dengan umur	149
Jadual 4.17.4c: Tabulasi silang susah/lambat dihubungkan dengan jantina	150
Jadual 4.17.5a: Tabulasi silang server down dengan status	151
Jadual 4.17.5b: Tabulasi silang server down dengan umur	151
Jadual 4.17.5c: Tabulasi silang server down dengan jantina	151
Jadual 4.17.6a: Tabulasi silang terlalu banyak maklumat dicapai kembali dengan status	152
Jadual 4.17.6b: Tabulasi silang terlalu banyak maklumat dicapai kembali dengan umur	153
Jadual 4.17.6c: Tabulasi silang terlalu banyak maklumat dicapai kembali dengan jantina	153
Jadual 4.17.7a: Tabulasi silang masalah bahasa dengan status	154
Jadual 4.17.7b: Tabulasi silang masalah bahasa dengan umur	154
Jadual 4.17.7c: Tabulasi silang masalah bahasa dengan jantina	155
Jadual 4.17.8a: Tabulasi silang tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh dengan status	156
Jadual 4.17.8b: Tabulasi silang tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh dengan umur	156
Jadual 4.17.8c: Tabulasi silang tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh dengan jantina	157
Jadual 4.18: Siapa yang dihubungi jika menghadapi masalah	157
Jadual 4.18a: Tabulasi silang siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah dengan status	158
Jadual 4.18b: Tabulasi silang siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah dengan umur	159
Jadual 4.18c: Tabulasi silang siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah dengan jantina	160



## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.0 Pendahuluan

Dewasa ini kita mengalami perubahan yang amat radikal iaitu pengguna telah menggunakan sumber elektronik dalam memenuhi keinginan pencarian maklumat. Peningkatan penggunaan pencarian maklumat elektronik ini sedikit sebanyak telah mengubah pencarian tradisional yang biasa dilakukan oleh mereka. Ini memberi satu pengertian bahawa pengguna sedang menuju ke satu era ledakan maklumat yang tiada had dan batasannya.

Perubahan tersebut pada asasnya adalah dalam bentuk fizikal di mana kandungan maklumat yang meningkat telah ditawarkan, diproses, disimpan dan tersebar dalam bentuk elektronik. Kebiasaannya, sumber elektronik maklumat meliputi CD-ROM, pangkalan data, OPAC, internet dan lain-lain sumber rangkaian maklumat yang bersaing dan sesetengahnya menggantikan sumber maklumat bercetak yang wujud sejak berabad-abad lamanya sebagai media permulaan untuk menyimpan dan merakamkan komunikasi kandungan maklumat (Cornish, 1997)

Menurut Missingham (2001) pada tahun 1990, perpustakaan telah berubah menjadi penting di mana ia membangunkan perkhidmatan dan pemprosesan baru terutamanya apabila dihubungkan dengan perkembangan sumber elektronik di dalam koleksi. Lebih banyak perpustakaan dan sumber maklumat menyediakan pengaksesan kepada teks penuh CD-ROM dan pangkalan data. Pangkalan data ini pelbagai bentuk meliputi subjek sebagaimana maklumat terdahulu yang pernah disimpan oleh mereka.

Sumber elektronik pada hari ini disediakan dalam bentuk angka, grafik dan bentuk bibliografi (Carroll et al.1990).

Ahli-ahli Persatuan Perpustakaan Penyelidikan (ARL) telah mendigitalkan beratus-ratus koleksi dalam pelbagai bidang dan menambah koleksi mereka serta menyewa sumber digital daripada penerbit. Terbitan statistik yang berakhir pada bulan Jun 2001 menunjukkan bahawa ahli-ahli ARL telah menghabiskan lebih \$132 juta ke atas sumber elektronik yang melebihi 16% untuk belanjawan perkakasan perpustakaan. Tambahan lagi, sejak tahun 1992-1993 peratus belanjawan ke atas sumber elektronik telah meningkat dua kali lebih cepat dan sesetengahnya meningkat enam kali berbanding peratus belanjawan ke atas perkakasan perpustakaan (The Journal of Academic Librarianship, 2003).

Sementara itu, Gray (2002) pula menyatakan sebahagian besar koleksi perpustakaan di Universiti Duke menyediakan sumber dalam bentuk elektronik. Buat masa itu (30 Julai 2002), Universiti Duke telah melanggan sebanyak 11,850 jurnal elektronik dan 299 pangkalan data penyelidikan dengan tajuk yang bersesuaian. Dianggarkan sumber elektronik akan berkembang dengan lebih pesat lagi pada masa hadapan sekiranya lebih banyak penerbit menyertakan penulisan mereka secara *online*.

Walau bagaimanapun, rangkaian komunikasi baru ini telah memasuki pasaran penyediaan maklumat di mana lebih ramai pengguna akan menggunakannya terutamanya ahli akademik dan pelajar (Chern, 2000). Peningkatan penggunaan jurnal elektronik contohnya juga menunjukkan bahawa pengguna sedang menghadapi proses perubahan komunikasi secara saintifik (Boyce & Dalterio, 1996). Ia adalah penting untuk melihat penggunaan pengguna dan persepsi mereka ke atas sumber elektronik yang tersedia hari ini dan jangkaan masa hadapan sumber elektronik tersebut.

Teknologi sumber maklumat telah ditubuhkan dengan kukuh di perpustakaan pada hari ini. Bagaimana pengguna menerima teknologi yang disediakan ini merupakan satu bahagian yang perlu dikaji. (Mehta & Young, 1995). Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ke atas pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya ini diharapkan akan menyediakan tanggapan yang lebih berguna mengenai pandangan mereka terhadap penggunaan maklumat melalui sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan universiti kepada mereka.

### **1.1 Latarbelakang Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya**

Fakulti Pendidikan Universiti Malaya ditubuhkan pada bulan Jun 1963 di kenali sebagai Sekolah Pendidikan. Ia menawarkan Diploma Pendidikan bagi siswazah yang memilih guru sebagai profesion. Sekolah Pendidikan ini berkembang dengan amat pesat sekali sehingga telah dinaikkan taraf kepada status fakulti pada bulan Julai 1965 selepas dua tahun beroperasi. Seterusnya, program Sarjana Pendidikan pula diperkenalkan pada tahun 1967, diikuti dengan penawaran program Doktor Falsafah setahun kemudian (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Pada dasarnya, Fakulti Pendidikan terdiri daripada lima bahagian struktur yang berbeza. Namun begitu, ia telah mengalami penstrukturan dan pembentukan semula organisasi bagi memenuhi hasrat, visi dan objektifnya. Pada tahun 2001, pembentukan struktur organisasi terbaru fakulti telah dilaksanakan dengan penubuhan jabatan-jabatan tersebut. Antaranya ialah :

- ◆ Jabatan Asas Pendidikan dan Kemanusiaan
- ◆ Jabatan Psikologi Pendidikan dan Kaunseling
- ◆ Jabatan Pengurusan, Perancangan dan Dasar pendidikan

- ◆ Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi
- ◆ Jabatan Pendidikan Matematik dan Sains
- ◆ Jabatan Kurikulum dan Teknologi Pengajaran
- ◆ Institut Kepengetuaan

(Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004)

Selain daripada menawarkan kursus-kursus di peringkat ijazah tinggi sejak penubuhannya, Fakulti Pendidikan ini juga turut menyediakan beberapa program ijazah dasar. Program tersebut ialah program Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Pendidikan yang dimulakan dengan Fakulti Sains Universiti Malaya pada tahun 1975 dalam memenuhi permintaan yang tinggi untuk guru sains dan matematik. Sementara itu pada tahun 1982, Program Ijazah Sarjana Muda Pendidikan Islam pula diperkenalkan dengan kerjasama Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Sarjana Muda Pendidikan Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa kedua ditawarkan pada tahun 1980 yang merupakan program ijazah dasar Fakulti Pendidikan. Ia merupakan kerjasama di antara Fakulti Bahasa dan Linguistik dengan Fakulti Sastera dan Sains Sosial. Seterusnya, pada tahun 1998 program ijazah dasar dalam Pendidikan Awal Kanak-Kanak dan program Ijazah Sarjana Muda Kaunseling pula dilaksanakan (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Pada tahun Januari 2000, buat pertama kalinya Institut Kepengetuaan diperkenalkan di negara ini yang ditubuhkan oleh Fakulti Pendidikan. Kesemua pelajar kursus ini yang ditaja oleh Kementerian Pendidikan terdiri daripada guru-guru senior yang telah melalui siri penilaian dalam bidang kepengetuaan. Walau bagaimanapun, pada sesi kemasukan 2003/2004 program ini telah dibuka kepada umum agar mereka dapat

mentadbir sekolah dengan cekap dan berkesan (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Fakulti Pendidikan berhasrat untuk mengeluarkan pendidik berijazah tinggi bagi memenuhi permintaan sistem pendidikan yang dinamik dengan kekuatan kakitangan akademik yang hampir kepada seratus orang dan jumlah kakitangan sokongan seramai lima orang pada tahun 1963. Tidak hairanlah fakulti ini mempunyai sekumpulan pakar yang profesional, yang boleh memberikan sumbangan lebih besar kepada perkembangan dalam bidang pendidikan (Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004).

Dengan kelebihan-kelebihan ini, hasrat Fakulti Pendidikan sudah pastinya akan tercapai seandainya pelajar-pelajar mereka sering didedahkan dengan bahan-bahan daripada sumber elektronik. Pengembelian idea dan tenaga dalam menyediakan makmal-makmal komputer di fakulti menjadi pemangkin kepada penggunaan komputer sekaligus membantu pelajar-pelajar menggunakan sumber elektronik yang disediakan kepada mereka.

## **1.2 Pernyataan masalah**

Ahli akademik dan penyelidik di perpustakaan menghabiskan wang berjuta-juta dolar untuk memperolehi sumber maklumat dan mencipta sumber digital sendiri. Dengan pelaburan tersebut, secara tidak langsung perpustakaan telah menyediakan peluang pengaksesan yang berguna terhadap bahan-bahan tersebut. (Caudle, 2003)

Sumber elektronik yang disediakan untuk pengguna bertujuan memberi peluang kepada mereka untuk mencapai kembali maklumat yang diinginkan tanpa perlu bersusah payah sebagaimana yang perlu dilakukan pada masa dahulu. Namun, apa yang dikesalkan

terdapat sebilangan pengguna terutamanya pelajar yang tidak tahu menggunakan atau mengetahui perbezaan di antara sumber maklumat elektronik (Arbib & Bronstein, 2002)

Menurut Ray & Day (1998), pelajar merupakan satu kumpulan yang bernasib baik kerana diberi peluang untuk mengakses maklumat tanpa dikenakan bayaran. Pihak universiti telah memperuntukan belanjawan bagi menyediakan kemudahan teknologi untuk kegunaan para pelajar bagi membantu dalam proses pembelajaran yang lebih berkesan.

Mereka bukan sahaja tidak berminat untuk mengakses sumber tersebut, malah ada di antara mereka yang kurang pengetahuan dan tidak berusaha untuk melibatkan diri dalam penggunaan sumber elektronik. Seseengah daripada mereka masih selesa dengan pencarian maklumat secara tradisional. Sekiranya keadaan begini berterusan, sudah pasti mereka akan ketinggalan dari segi pencapaian maklumat dan sedikit sebanyak keadaan ini turut menjejaskan kualiti mereka sebagai seorang mahasiswa yang cemerlang.

### **1.3 Objektif**

Secara amnya, objektif kajian ini dinyatakan untuk memudahkan penyelidikan bagi meneroka, memberi penjelasan dan pengkelasan serta untuk menetapkan perkaitan (Sulaiman, 2003). Antara objektif kajian ini ialah :

- i.** Mengenal pasti penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan
- ii.** Untuk meneliti pandangan pelajar terhadap maklumat yang terdapat di dalam sumber elektronik
- iii.** Untuk mengenal pasti pendedahan komputer dan latihan sumber elektronik yang diterima oleh pelajar

- iv. Untuk melihat masalah yang dihadapi ketika menggunakan sumber elektronik

#### **1.4 Persoalan kajian**

Bagi memenuhi objektif kajian yang dinyatakan sebelum ini, pengkaji telah mengkategorikan maklum balas kepada persoalan kajian. Ianya meliputi:

- i. Bagaimanakah penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan?
- ii. Apakah pandangan pelajar terhadap maklumat yang terdapat di dalam sumber elektronik?
- iii. Apakah pendedahan komputer dan latihan sumber elektronik yang diterima oleh pelajar?
- iv. Apakah masalah yang dihadapi ketika menggunakan sumber elektronik ?

#### **1.5 Kepentingan kajian**

Kajian ini dirasakan penting dalam memberi maklumat terkini mengenai penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya. Sebagai pelajar universiti mereka seharusnya menggunakan mana-mana sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan mengikut tahap pembelajaran mereka.

Selain itu, kajian ini juga menggambarkan sejauh mana sumber elektronik yang disediakan, dimanfaatkan sepenuhnya oleh pelajar dan meneliti kembali keberkesanan sumber elektronik dalam mencapai matlamat penubuhan perpustakaan universiti.

Kajian ini sedikit sebanyak memberi panduan dan maklumat kepada perpustakaan di Universiti Malaya bagi mengenal pasti kekerapan sumber elektronik yang digunakan

oleh pelajar. Selain itu, pihak perpustakaan berpeluang memperbaiki perkhidmatan dan menambah sumber maklumat yang diperlukan oleh pelajar.

Sekiranya terdapat kelemahan atau masih kedapatan pelajar yang tidak dapat mengakses sumber elektronik yang disediakan dengan sepenuhnya, pihak perpustakaan diharap dapat menyediakan beberapa alternatif dalam memberikan maklumat kepada pelajar walaupun kelas kemahiran maklumat memang disediakan oleh perpustakaan.

### **1.6 Skop dan batasan**

Kajian ini terhad dijalankan ke atas pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya. Walaupun kajian boleh dilakukan ke atas pelajar di fakulti yang lain, pengkaji lebih berminat kepada pelajar di Fakulti Pendidikan kerana mereka sentiasa didedahkan dengan kelas-kelas teknologi maklumat dan pastinya dengan pendedahan tersebut menguatkan lagi penggunaan sumber elektronik di kalangan mereka.

Pelajar yang terlibat ialah pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah lanjutan. Pelajar ijazah dasar meliputi pelajar tahun satu, tahun dua, tahun tiga dan tahun empat. Manakala bagi pelajar ijazah lanjutan tergolong untuk pelajar sarjana sahaja. Dalam kajian ini, hanya 6% daripada populasi telah digunakan sebagai sampel kajian di Fakulti Pendidikan. Oleh yang demikian, maklumat yang diperolehi dianggap benar berdasarkan kepada jawapan yang akan diperolehi nanti.

### **1.7 Definisi**

Huraian definisi yang akan dibincangkan dalam kajian ini merangkumi perkataan penggunaan, sumber elektronik, internet, pangkalan data elektronik, jurnal elektronik, buku elektronik, sistem katalog awam atas talian (OPAC) dan CD-ROM. Kesemua



definisi sumber elektronik hanya terhad kepada penggunaan di universiti atau di kolej. Ianya tidak dihubungkan dengan penggunaan secara kebetulan atau luar daripada universiti atau kolej. Definisi yang lebih terperinci akan dihuraikan di bawah.

### *1.7.1 Penggunaan*

Bermaksud perihal iaitu perkara yang melambangkan perbuatan, kegiatan, dan lain-lain. Ia juga boleh diertikan sebagai menggunakan sesuatu. Contohnya ialah; Penggunaan kata itu tidak sesuai dengan ayat ini. Menurut Kamus Dewan lagi, perkataan penggunaan boleh disamakan juga dengan perkataan pemakaian seperti pemakaian barang-barang, hasil perusahaan, bahan makanan, dll (Kamus Dewan, 1998).

### *1.7.2 Sumber elektronik*

Merupakan sebarang pekerjaan yang dikodkan dan disediakan untuk mengakses melalui penggunaan komputer. Ia mengandungi kedua-dua data atas talian dan data elektronik dalam format fizikal. Contohnya ialah CD-ROM. (Library of Congress, 2004)

### *1.7.3 Internet*

Merupakan sebuah rangkaian komputer yang dibina dengan menggabungkan rangkaian komputer yang lebih kecil dengan menggunakan protokol TCP/IP atau protokol yang boleh menterjemahkan TCP/IP. Ia merupakan sebuah rangkaian komputer sejagat yang memberikan dua perkhidmatan utama iaitu komunikasi dan capaian maklumat (Ahmad Zaharim, 1999).

#### *1.7.4 Pangkalan data elektronik*

Pangkalan data elektronik berfungsi menyimpan artikel, abstrak dan kenyataan supaya pengguna boleh mencarinya untuk tujuan penyelidikan. Artikel, abstrak dan kenyataan ini dijual oleh penerbit kepada pangkalan data. Pangkalan data mempunyai bentuk yang unik iaitu bertindak dalam keadaan yang sama. Apa yang perlu dilakukan ialah memasukkan kata kunci ke dalam kotak carian dan pangkalan data akan mencari artikel, abstrak dan kenyataan yang terkandung di dalam terma tersebut. Pangkalan data akan mencapai kembali maklumat dalam tiga jawapan samada melalui teks artikel penuh, abstrak atau pun kenyataan. Kesemua jawapan ini akan disenaraikan dengan rekod yang terbaru (Moraine Valley Community College, 2001).

#### *1.7.5 Jurnal elektronik*

Jurnal elektronik boleh disamakan dengan jurnal bercetak. Jurnal ini mengandungi koleksi-koleksi artikel, diterbitkan pada jarak yang tetap di bawah tajuk yang dikehendaki. Jurnal elektronik diterbitkan di dalam web. Selain itu, jurnal ini juga turut diterbitkan dalam bentuk bercetak. Untuk membaca jurnal elektronik di dalam web, pengguna perlu mempunyai 'web browser' seperti 'Internet Explorer' dan 'Netscape Navigator' untuk melihat halaman jurnal dan kandungan jadual. Bagi melihat teks penuh sesuatu jurnal, pengguna dikehendaki memasang perisian 'reader' ke dalam komputer. Kebanyakan jurnal elektronik diterbitkan dalam dua format iaitu Adobe Acrobat dan Real Page (The University of Glamorgan Information Gateway, 2004).

### *1.7.6 Buku elektronik*

Buku elektronik merupakan buku yang telah ditukarkan kepada bentuk digital dan boleh dibaca pada skrin komputer, kebiasaannya melalui perkhidmatan rangkaian atau CD-ROM. Buku elektronik boleh dikembangkan ke atas media bercetak dengan menambah hubungan teks luas, carian dan fungsi rujukan bersilang serta multimedia. Buku elektronik juga serba boleh, mudah dibawa dan selesa digunakan (Computer User.com, 2004).

### *1.7.7 Sistem katalog awam atas talian (OPAC)*

OPAC merupakan katalog yang dikomputerkan mengandungi butir-butir rekod di dalam perpustakaan atau institusi organisasi yang di gunakan untuk menyimpan dan mencapai kembali maklumat (Ariyapala & Edzan, 2002). Carian OPAC pada hari ini menyediakan ciri-ciri asas seperti pengarang, tajuk, kepala subjek, nombor panggilan, kata kunci dan maklumat mengenai status pinjaman dan tempahan (Lancaster & Sandor, 1997).

### *1.7.8 CD-ROM (Compact disc read only memory)*

CD-ROM digunakan bersama komputer yang mempunyai sejumlah besar maklumat digital yang boleh disimpan dan di capai kembali tetapi tidak boleh diubah oleh pengguna. Ia mengandungi lebih 650 megabait maklumat yang hanya boleh dibaca dari *drive* CD-ROM. CD-ROM merupakan adaptasi dari cakera padat yang dibangunkan untuk menyimpan data komputer dalam bentuk teks dan grafik seperti bunyi stereo hi-fi. Pada hari ini, CD-ROM mengikut ukuran yang tetap dan bertindak dalam piawaian *drive* CD-ROM (Tech Target Network, 2004).

## **1.8 Kesimpulan**

Keseluruhannya, tinjauan penulisan dalam bab ini membincangkan pengenalan kajian yang berkaitan dengan penggunaan sumber elektronik di perpustakaan iaitu latarbelakang Fakulti Pendidikan Universiti Malaya, pernyataan masalah, objektif, persoalan kajian, kepentingan kajian, skop dan batasan serta definisi. Bagi meneruskan kesinambungan penyelidikan ini, bab yang seterusnya iaitu bab dua akan meneliti kajian-kajian terdahulu yang pernah dijalankan oleh penyelidik sebelumnya yang mempunyai persamaan dengan kajian yang akan dilakukan.

## BAB 2

### ULASAN PENULISAN

#### 2.0 Pendahuluan

Bahagian ini akan membicarakan ulasan penulisan (*literature review*). Ulasan penulisan atau *literature review* adalah suatu bentuk dokumentasi yang telah dibuat sorotan secara komprehensif daripada susunan data yang telah diterbitkan atau tidak diterbitkan dalam bentuk deskriptif bagi dikaji oleh penyelidik (Rohana, 2003). Neuman (2000) berpendapat, ulasan penulisan ialah himpunan pengetahuan yang dapat membantu penyelidik membina apa yang belum ada di dalam sesebuah karya.

Oleh itu, ulasan penulisan dalam kajian ini diambil dari pelbagai sumber iaitu dari bahan bercetak sehinggalah kepada bahan yang berbentuk elektronik. Antara bahan yang digunakan ialah :

- i. Bahan bercetak seperti buku, majalah dan jurnal
- ii. Bahan berbentuk elektronik meliputi internet, pangkalan data, jurnal elektronik dan OPAC
- iii. Bahan yang tidak diterbitkan iaitu penulisan ilmiah dan penulisan sarjana.

Untuk mendapatkan bahan melalui pangkalan data, pengkaji telah menggunakan beberapa kata kunci bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan. Kata kunci yang digunakan ialah '*electronic resources*', '*electronic journal*', '*online databases*', '*use of internet*', '*use of databases*', '*use of electronic resources*', '*internet usage*', '*use of OPAC*' dan '*use of e-book*'. Setiap kata kunci ini kebanyakannya digunakan di dalam

pangkalan data seperti Wilson Web Fulltext, Emerald Fulltext, Lisanet, Proquest dan Proquest Dissertation.

## **2.1 Penggunaan sumber elektronik di institusi pengajian tinggi**

Pada tahun 2000, hampir 104 juta pengguna menggunakan internet di Amerika Syarikat. Salah satu kumpulan demografi yang dihubungkan dengan internet ialah pelajar kolej. Maklumat yang diperolehi menunjukkan lebih kurang 93% pelajar kolej di Amerika mengakses internet setiap bulan dan jumlah mereka dijangkakan akan meningkat dari 15.2 juta pada tahun 2003 kepada 16.4 juta pada tahun 2007 (Greenspan, 2003).

Walau bagaimanapun, masih ramai yang tidak mengetahui bagaimanakah pelajar kolej atau universiti menggunakan internet dan juga sumber elektronik yang lain untuk aktiviti pembelajaran dan masa lapang. Oleh itu, ulasan karya yang dibincangkan akan melihat kajian-kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik terdahulu dan dari sini diharapkan adanya kaitan di antara kajian yang akan dijalankan nanti.

### *2.1.1 Sistem Katalog Awan Atas Talian (OPAC)*

OPAC merupakan satu komponen penting bagi perpustakaan yang menggunakan sistem ini kerana ia amat membantu pengguna mencapai maklumat dalam pengajian mereka. Kajian yang dijalankan oleh Ariyapala dan Edzan (2002) mendapati, pelajar ijazah lanjutan luar negara di Perpustakaan Universiti Malaya mempunyai tahap yang berbeza ketika menggunakan OPAC. Kebanyakan mereka tidak mempunyai kemahiran yang sebenar kerana kemudahan OPAC di negara mereka hanya terhad di perpustakaan universiti. Selain itu, pencarian OPAC hanya tertumpu kepada tajuk, subjek,

pengarang/kata kunci dan pengarang. Kajian mendedahkan bahawa pelajar yang menggunakan Perpustakaan Universiti Malaya menyatakan OPAC amat mudah digunakan tetapi maklumat yang dicapai adalah amat perlahan.

Manakala kajian yang dilakukan oleh Connaway, Johnson dan Searing (1997) membincangkan kekuatan dan kelemahan OPAC di Universiti Wisconsin Madison dari perspektif pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah lanjutan. Keputusan mendedahkan pelajar ijazah dasar cenderung untuk menggunakan kemudahan pencarian subjek sebaliknya pelajar ijazah lanjutan mencari dengan menggunakan nama penulis atau tajuk dan menggunakan carian subjek sebagai pencarian yang terakhir. Walaupun hanya 2/3 pelajar sahaja yang menggunakan OPAC, mereka menyatakan penggunaan bahan tersebut adalah sangat berguna daripada kad katalog kerana ia dicapai dengan cepat walaupun berada di tempat lain.

Sementara itu, kajian mengenai penggunaan katalog atas talian telah dilakukan pula oleh Hsieh-Yee (1996) terhadap pelajar baru di Universiti Amerika dan Universiti wilayah Colombia. Beliau mendapati, kebanyakan pelajar menggunakan katalog atas talian dalam capaian rangkaian maklumat. Jika dibandingkan dengan rangkaian maklumat yang disediakan oleh perpustakaan, katalog atas talian dan pangkalan data elektronik mengandungi maklumat paling kerap dicapai berbanding rangkaian maklumat yang lain.

Satu kajian yang dijalankan oleh Schuck (1992) ke atas 38 orang pelajar di Universiti Indiana South Bend, bertujuan untuk melihat penggunaan sistem katalog awam atas talian di mana kemahiran dan sikap mereka mempunyai hubungan dengan penggunaan perpustakaan. Pelaksanaan ke atas kemahiran perpustakaan dan kemahiran maklumat katalog atas talian dibincangkan dan dianalisis untuk mengenal pasti

kepentingan pelajar dalam arahan perpustakaan dan kekerapan penggunaan perpustakaan. Implikasi daripada kajian ini ialah terdapatnya peningkatan kaedah pengajaran iaitu bengkel kemajuan perpustakaan dan tutorial interaktif komputer yang ditekankan ke atas pertolongan pencarian maklumat melalui OPAC yang terhad kepada pengguna Universiti Indiana.

Seterusnya kajian Rosenthal dan Shupe (1995), menghuraikan penggunaan OPAC di kalangan pengguna di Kolej Komuniti Nassau, New York. Kajian ini menyediakan dapatan yang ada hubungan dengan beberapa jenis pengguna yang menggunakan terminal maklumat, masa yang diperlukan untuk pencarian, kaedah yang dipilih untuk mempelajari cara menggunakan terminal dan pencarian paling biasa digunakan oleh pengguna.

Hilderth (1997) dalam kajiannya melaporkan pencarian kata kunci dan boolean oleh pengguna melalui OPAC di Universiti Oklahoma. Keputusan dari tinjauan soal selidik dan analisis transaksi log mendapati, pengguna di universiti Oklahoma sering menggunakan kata kunci dalam pencarian maklumat walaupun carian yang mereka gunakan selalu gagal kerana kurangnya pemahaman untuk menggunakannya. Sebaliknya kajian Ensor (1992) pula menyatakan, pengetahuan yang rendah oleh pengguna di Universiti Indiana State telah menghalang mereka dari memperolehi pencarian kata kunci dan maklumat dengan menggunakan sistem OPAC NOTIS.

Kajian perbandingan terhadap interaktif penggunaan Telnet dan katalog terhadap 83 orang pelajar di Kolej Kent dan 17 orang di Kolej Perniagaan telah dibuat oleh Law (2000). Tujuannya ialah untuk mengenal pasti sekiranya terdapat kepentingan hubungan di antara dua kumpulan pelajar tersebut di dalam menggunakan Telnet dan katalog. Keputusan menunjukkan, pelajar di Kolej Kent mempunyai pengalaman dan pengajaran



yang lebih mengenai katalog elektronik berbanding pelajar di Kolej Perniagaan. Manakala pelajar di Kolej Perniagaan pula lebih berminat menggunakan teks atau versi Telnet di dalam katalog perpustakaan.

Selain itu kajian perbandingan dua kumpulan pengguna katalog atas talian terhadap penggunaan terminal di dalam perpustakaan dan stesen bengkel secara *remote*, turut dibincangkan oleh Snelson (1993) di Universiti Drew, New Jersey. Tinjauan terhadap kajian tersebut telah digunakan oleh perpustakaan untuk mengenal pasti pandangan mereka bagi memperolehi maklumat, kekerapan penggunaan, kepuasan pengguna dan sikap mereka ketika menggunakannya.

### 2.1.2 Internet

Kekurangan pengaksesan kepada bahan terkini di dalam perpustakaan universiti di negara membangun merupakan masalah utama yang menyekat penyelidikan dan pengajaran. Pinjaman di antara perpustakaan dan projek penghantaran dokumen tidak mampu diselesaikan oleh perpustakaan. Kemudahan internet yang disediakan telah memudahkan pengguna untuk mengakses kepada *volume* maklumat yang paling besar tanpa mengira lokasi geografi mereka. Bagi membuktikan kenyataan ini, Adika (2003) telah menjalankan kajian di fakulti-fakulti di tiga buah universiti di Ghana yang dihubungkan dengan internet. Dapatan menunjukkan, penggunaan internet adalah amat perlahan sekali di antara fakulti-fakulti. Alasan mereka tidak menggunakannya ialah kekurangan kepada pengaksesan internet dan latihan yang mencukupi.

Jurnal daripada Korgen, Odell dan Schumacher (2001) membuktikan bahawa terdapat jurang yang luas dalam penggunaan internet di kalangan bangsa utama dan kumpulan etnik di Amerika syarikat. Internet digunakan lebih lama bagi mereka yang

mempunyai komputer peribadi di rumah. Kajian ini juga mendapati bangsa kulit hitam adalah sampel paling sedikit menggunakan internet kerana mereka tidak berminat kepada pendidikan sekaligus memberi kesan kepada kekerapan penggunaan internet.

Penggunaan internet amat penting bagi pelajar-pelajar yang sedang menuntut di institusi pengajian tinggi. Menurut Wilson (1997), sebanyak 75 orang pelajar ijazah dasar dari lima buah Kolej Sastera di Pennsylvania menggunakan internet di setiap kampus mereka. Kajian mendapati internet digunakan untuk tujuan penyelidikan kursus, membaca dan menghantar Mel-elektronik serta untuk hiburan. Hampir kesemua daripada mereka menggunakan maklumat internet untuk menyiapkan tugas dan kerja kursus. Mereka menggunakan internet kerana pelbagai maklumat yang disediakan di samping cepat dan mudah. Walaupun begitu, terdapat juga pelajar yang tidak menggunakan internet kerana tidak mempunyai pengetahuan untuk mengakses perkhidmatan tersebut.

Rangkaian baru teknologi maklumat telah menembusi hampir kesemua aspek pengetahuan pengguna. Penyelidikan oleh Kaminer (1997), bertujuan untuk meneliti penggunaan internet di Kolej Sumber Pribumi, Universiti California, Berkeley yang memberi kesan kepada produktiviti para ilmuwan. Keputusan menunjukkan, penggunaan yang paling luas adalah melalui Mel-elektronik, Telnet dan pencarian laporan bibliografik. Keputusannya ialah penggunaan internet adalah faktor terpenting kepada model produktiviti para ilmuwan.

Penyelidikan Salmeen (2002) pula merupakan satu penerokaan kemajuan di dalam internet yang digunakan oleh pelajar Kuwait ketika berada di Kolej Amerika Syarikat. Tinjauan ke atas 187 orang pelajar ijazah lanjutan menunjukkan, kebanyakan pelajar mempunyai komputer yang dihubungkan dengan internet dan mereka menggunakan beberapa fungsi internet untuk berkomunikasi dengan rakan-rakan dan

keluarga di Kuwait. Mel-elektronik adalah paling tinggi penggunaannya dalam fungsi komunikasi diikuti IRC, halaman suratkhobar Kuwait dan penggunaan telefoni internet. Kajian ini menjelaskan bahawa internet telah menjadi alat keperluan pelajar Kuwait untuk berkomunikasi dengan tanahair mereka.

Sementara itu Milam et.al (2003) menyatakan banyak kajian telah dijalankan ke atas *WWW* dan penggunaan internet, tetapi hanya sebilangan saja yang memfokus kepada pelajar di kolej dan universiti. Untuk tujuan itu, seramai 214 orang pelajar ijazah dasar dan ijazah lanjutan di Universiti Amerika Syarikat telah dipilih untuk melihat bagaimana mereka menggunakan sistem maklumat yang disediakan di kampus. Dapatan menunjukkan pelajar kolej dan universiti tidak ketinggalan menghantar dan menerima Mel-Elektronik, muat turun gambar dan muzik dan sebagainya. Kajian juga mendapati pelajar-pelajar tersebut menggunakan komputer di makmal komputer, kelas elektronik, rumah flat atau pun dari bilik asrama.

Seterusnya kajian Al-Khezzi (2002) bertujuan untuk mengenal pasti penggunaan internet oleh pelajar Kuwait di Kolej Pendidikan Universiti Kuwait sebagai alat penting dalam pendidikan. Seramai 568 orang pelajar ijazah dasar dan ijazah lanjutan telah terlibat dalam soal selidik tersebut. Keputusan mendapati pelajar di Kolej Pendidikan menggunakan internet dalam pelbagai cara dan tujuan. Antaranya ialah untuk menyelesaikan tugas, mengadakan perbincangan, komunikasi akademik dan mengakses kursus atas talian.

Kajian Lazinger, Bar-Ilan dan Peritz (1997) merupakan satu kajian perbandingan penggunaan internet di pelbagai jabatan di setiap fakulti di Universiti Hebrew Jerusalem, bagi mengenal pasti pengaruhnya ke atas kegunaannya. Antaranya ialah lapangan dan penyelidikan yang diminati oleh ahli fakulti, latihan formal penggunaan internet melalui

kursus dan bengkel, penggunaan internet dengan mengikut arahan yang disediakan dan melihat keperluan maklumat yang boleh disediakan oleh rangkaian. Dapatan kajian menunjukkan, penggunaan internet adalah secara konsisten dan paling tinggi digunakan oleh ahli Fakulti Sains dan Pertanian berbanding mereka yang berada di Fakulti Kemanusiaan atau Sains Sosial.

Kajian ini dibentuk untuk melihat penggunaan internet oleh pelajar dan perpustakaan akademik di Kolej Penyambungan Pendidikan. Menurut Barnard (2000), majoriti pelajar menggunakan internet. Mereka mengatakan penggunaan internet telah menggantikan sesetengah bahagian kegunaan perpustakaan akademik. Keputusannya ialah, terdapat pelajar yang berkeinginan untuk mengakses sumber perpustakaan dengan menggunakan pemancar melalui internet. Selain itu, latihan tambahan ketika menggunakan internet dan perpustakaan adalah sangat berguna terutamanya bagi pelajar yang kecewa ketika mendapatkan maklumat.

Walaupun penggunaan internet tersebar luas, tidak kedapatan lagi kajian penyusunan yang baik di dalam menyediakan maklumat mengenai kegunaannya sebagai alat pencarian dan pengajaran di dalam kelas di Sekolah Pengajian Maklumat di Amerika Syarikat. Keadaan ini dibuktikan oleh Alsehli (1999) dalam tinjauannya ke atas 642 ahli Fakulti Sekolah Pengajian Maklumat. Keputusan mendedahkan bahawa majoriti ahli fakulti telah memajukan diri atau berada di antara komputer dan mereka berpengalaman menggunakan internet, pangkalan data, katalog dan indeks.

Penyelidikan Alur, Maheswarappa dan Tadasad (2003) melaporkan keputusan penggunaan internet ke atas 193 orang pelajar ijazah dasar di Kolej Kejuruteraan dan Teknologi Poojya Doddappa Appa, India. Maklumat yang diperolehi ialah penggunaan internet cenderung untuk dikurangkan kerana potensinya dalam menyokong keperluan

kurikulum tidak disedari oleh pelajar. Ini kerana penggunaan internet hanya digunakan oleh beberapa orang pelajar sahaja. Untuk tujuan itu, kesedaran perlu dibina supaya pelajar cenderung menggunakan internet di perpustakaan bagi membiasakan diri dengan internet dan sumbernya.

Zuraiti (1999) mendapati, sejumlah besar dari proses pembelajaran pengajaran di pusat pengajian tinggi di Universiti Idaho State, Universiti Ohio Athens, Kolej TAPE dan Universiti Boise, Amerika Syarikat serta di Institut Teknologi Sydney dan Universiti James Cook, Australia, menggunakan internet sebagai medium pengajaran dan pembelajaran. Ini dikukuhkan pula oleh Al-Harbi (2002) terhadap penggunaan internet di kalangan pelajar di Jabatan Komunikasi, Universiti Florida, iaitu pelajar lebih cenderung untuk menggunakan internet dalam mencari maklumat berbanding perkhidmatan perpustakaan yang lain.

Satu kajian tentang penggunaan internet di kalangan pelajar di Kolej Kejuruteraan Sree Jayachamarajendra telah dijalankan oleh Kumbar dan Shirur (1999). Analisis data yang dikutip meliputi kemajuan penggunaan internet, perkhidmatan internet yang paling kerap digunakan, masalah yang dihadapi oleh pengguna ketika menggunakan perkhidmatan tersebut, tahap kepuasan pengguna, pandangan mengenai kemudahan yang disediakan dan cadangan pengguna untuk meningkatkan perkhidmatan internet.

Satu kajian yang lain berkenaan penggunaan internet telah dijalankan pula oleh Zakari (2000) untuk menentukan nilai internet terhadap pelajar Saudi di Amerika Syarikat yang memberi kesan dan faedah kepada Institusi Pendidikan Tinggi Saudi. Secara amnya, pelajar Saudi keseluruhannya menggunakan internet dengan kepercayaan bahawa ia menawarkan banyak kelebihan kepada pengajian pelajar. Kajian juga menyatakan, internet telah memudahkan pelajar untuk mendapat atau menerima pelbagai

sumber maklumat, cepat, memudahkan komunikasi dan menyimpan sumber maklumat terkini.

Hasil kajian Mansour (2002) mendapati sebanyak 77.1% pelajar di Universiti South Valley tidak menggunakan internet dengan sepenuhnya. Mereka terdiri daripada pelajar perempuan yang berumur lebih 40 tahun, mengambil sarjana muda dalam bidang perdagangan, biologi dan bahasa Arab. Manakala seramai 22.9% pelajar sarjana lelaki berumur dari 30 tahun yang mengambil kursus sains komputer, pendidikan dan bahasa Inggeris menggunakan internet dalam kehidupan seharian. Beberapa faktor berlakunya perbezaan dalam penggunaan internet ialah kurangnya pendedahan terhadap internet, kurang pengetahuan, kesedaran dan latihan, kurang keutamaan terhadap perkakasan dan internet serta kemahiran bahasa dan kewangan. Kajian menunjukkan pelajar aliran sains lebih banyak menggunakan internet berbanding pelajar sastera.

Penyelidikan Perry T, Perry L dan Curlin (1998) cuba mengenal pasti perbezaan penggunaan internet di kalangan pelajar pelbagai umur di tiga buah universiti di tenggara Amerika Syarikat. Respon daripada penyelidikan ini dianalisis untuk melihat bilangan pelajar yang menggunakan internet dan kadar penggunaannya dalam seminggu. Selain itu, kajian ini juga meneliti penggunaan Mel-elektronik, penggunaan internet untuk mendapatkan maklumat di universiti dan jumlah pelajar yang mempunyai laman web. Maklumat penyelidikan ini juga dianalisis untuk mengenal pasti kumpulan pelajar yang gemar menggunakan internet, tahap projek yang menggunakan internet dan projek internet yang akan digunakan dalam pemilihan kerjaya.

Kajian yang dibicarakan oleh Applebee, Calyton dan Pascoe (1997) merupakan satu kajian pengenalan kepada pengaksesan internet di Universiti Canberra yang terletak di ibu negeri Australia. Objektif utamanya adalah untuk membincangkan kekerapan dan

jenis-jenis penggunaan internet di kalangan staf akademik pada tahun 1995. Di samping itu, kajian ini melihat pandangan pengguna terhadap internet dan halangan kepada keberkesanan penggunaannya. Dapatan yang diterima ialah ahli akademik menggunakan pelbagai fungsi internet untuk tujuan tertentu. Seseengah staf pula menggunakan beberapa kemudahan asas yang disediakan manakala yang lain-lain pula tidak memulakan medium komunikasi baru ini.

### *2.1.3 Pangkalan data elektronik*

Proses yang terlibat di dalam penggunaan maklumat adalah perlu untuk penciptaan kesinambungan maklumat dalam persekitaran universiti. Oleh yang demikian, kepentingan kajian ke atas kegunaan sumber maklumat disediakan di dalam institusi akademik, untuk memudahkan mereka mencapai objektif yang boleh menyumbang kepada penambahan kualiti pendidikan tinggi. Beberapa teknik telah digunakan oleh Moscoso et.al (1995), untuk mengenal pasti dan memfokus ciri-ciri pembangunan Perkhidmatan Pengaksesan Pangkalan Data di perpustakaan Universiti Carlos III di Madrid dari tahun 1995-1998. Arah tuju penggunaan rangkaian pangkalan data dinilai dan penunjuk yang menjadi contoh dibentuk oleh pelbagai pengguna, kemudian dianalisis. Perbincangan meliputi kriteria interaksi di antara pengguna, teknologi baru dan sumber elektronik maklumat di perpustakaan universiti.

Kajian Perdue et.al (1991) meneliti strategi pencapaian kembali maklumat terkini oleh penyelidik atas talian yang terlibat di dalam penyelidikan psikologi. Tinjauan telah dijalankan pada musim gugur tahun 1998 terhadap 200 orang penyelaras pangkalan data dan penggunaan pilihan pelbagai pangkalan data. Pangkalan data yang paling kerap diakses oleh pengguna ialah ERIC, MEDLINE, SOCIAL SCISEARCH,

SOCIOLOGICAL ABSTRACTS dan DISSERTATION ABSTRACTS. Beberapa responden mengatakan mereka menggunakan pelbagai fail pangkalan data seperti DIALINDEX dan CROS.

Berdasarkan kajian Lagier (2002) pula, beliau telah mengumpul dan meneliti data statistik untuk mengenal pasti sama ada tiga sumber elektronik yang disediakan oleh perpustakaan Kolej Hartnell digunakan oleh pelajar kelas Bahasa Inggeris 253 dan 101. Kajian ini juga meneliti bagaimana pemilihan produk pangkalan data atas talian dikumpul dan dilaporkan serta melihat kemampuan pelajar ketika mendapatkan sumber elektronik. Kajian ini mendapati hos EBSC dan pangkalan data ProQuest telah digunakan lebih daripada CQ Researcher. Pengguna menyatakan bahawa CQ Researcher adalah alat yang paling efektif dalam membantu mereka mendapatkan maklumat penyelidikan atas talian. Ini diikuti dengan hos EBSCO dan ProQuest.

Artikel dalam pangkalan data yang berbentuk penuh telah mengubah pengaksesan pencarian bahan oleh pelajar. Kebanyakan pustakawan bimbang pelajar memilih pangkalan data teks penuh melalui artikel bercetak. Adakah ia benar? Kajian yang dilakukan oleh Lombardo dan Condic (2001) di Universiti Oakland, bertujuan untuk mengenal pasti bagaimanakah pelajar menguasai proses mencapai kembali artikel bercetak dan teks penuh dan mendapatkan pandangan mereka ke atas kedua-dua format yang bernilai. Keputusan menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar selesa dengan artikel teks penuh melalui artikel yang relevan. Tetapi keseluruhan proses carian adalah tidak mudah dicapai.

Sementara itu, penyelidikan Information Technology Libraries (ND) membicarakan hubungan di antara penggunaan sumber maklumat yang disediakan melalui perkhidmatan pangkalan data atas talian dengan keputusan di antara institusi.



Dua dimensi analisis telah dilaksanakan iaitu gabungan beberapa pangkalan data yang diakses telah dikenal pasti dalam rekod aktiviti bulanan yang dibekalkan oleh modul pengurusan pangkalan data CD-ROM IRIS.

Penyelidikan Zagar (1997) merupakan satu perbandingan penggunaan dial terus pangkalan data elektronik oleh pelajar yang disediakan di perpustakaan Kolej Komuniti Glendale dan Perpustakaan Awam Maricopa County. Dapatan kajian tersebut mendedahkan bahawa pelbagai pangkalan data elektronik telah disediakan kepada pelajar Komuniti. Kebanyakan pelajar mempunyai keperluan peralatan untuk mengambil faedah daripada sumber ini, digabungkan pula dengan keinginan untuk menggunakan sumber-sumber untuk meningkatkan kelenturan pemilihan mereka bagi tujuan penyelidikan.

Projek Bowden (1991) membincangkan kesan rangkaian maklumat perpustakaan di Universiti Sains Kesihatan Texas ke atas penyediaan dan penggunaan maklumat perubatan ahli profesional kesihatan dalam mempromosikan perkhidmatan GRATEFUL MED dan MEDLINE. Beliau mendapati perbezaan dalam profil pengguna tidak memberi kesan penggunaan maklumat, perbezaan penggunaan maklumat di antara ahli fizik di bandar dan bahagian pedalaman mempunyai hubungan kepada MEDLINE dan perpustakaan iaitu ahli fizik tidak menggunakan MEDLINE dengan sendiri sebaliknya program tersebut telah berjaya dalam menyediakan maklumat kepada mereka..

#### *2.1.4 Jurnal elektronik*

Kajian Cochenour dan Moothart (2003) membicarakan mengenai penggunaan dan penerimaan jurnal elektronik di kalangan pelajar dan pentadbir profesional di setiap fakulti di Universiti State Colorado. Kajian mendapati, majoriti responden telah menggunakan jurnal elektronik sekurang-kurangnya sebulan sekali dan lebih memilih

pelbagai pengaksesan yang disediakan oleh laman web perpustakaan dan OPAC. Hampir kesemua responden memberi sokongan supaya menambahkan langganan jurnal bercetak. Namun, beberapa orang responden menyokong untuk membatalkan langganan bercetak dan bergantung sepenuhnya kepada langganan elektronik.

Tinjauan pendapat umum mengenai penggunaan jurnal elektronik, jurnal bercetak dan pangkalan data telah diuruskan secara tahunan pada tahun 1998-2000. Penyelidikan universiti ini dipaparkan oleh Rogers (2001) yang menunjukkan peningkatan penggunaan jurnal elektronik dan pengurangan jurnal bercetak oleh fakulti dan pelajar ijazah dasar di mana penyediaan jurnal elektronik meningkat dari dua ratus lebih kepada tiga ribu orang. Majoriti kekerapan penggunaan kesemua jenis sumber adalah pengguna di jabatan sains. Tinjauan pendapat umum dari tahun 1998, menyediakan tanggapan supaya menggantikan kesemua jurnal bercetak dengan jurnal elektronik.

Kajian yang dijalankan oleh De Groote dan Dorsch (2003) memaparkan penggunaan majalah perubatan atas talian dan pangkalan data untuk melihat bentuk penggunaan yang ada hubungan dengan sumber atas talian di pusat akademik sains kesihatan Universiti Illinois, Chicago. Selain itu, kajian ini juga cuba menilai penggunaan majalah atas talian, penggunaan percetakan majalah, penggunaan pangkalan data, peringkat pengetahuan komputer dan sifat pengguna perpustakaan. Seramai 471 orang pelajar telah terlibat dalam penyelidikan ini. Didapati 98% pelajar mengakses internet, 53% pengguna menggunakan pencarian MEDLINE sekali seminggu sementara pangkalan data yang lain menunjukkan penggunaan yang rendah. Keseluruhannya, sebanyak 71% responden menunjukkan pemilihan untuk majalah atas talian daripada bercetak dan hanya sebilangan yang memilih sumber atas talian.

Satu kajian lain yang turut memperkatakan aspek jurnal elektronik dilakukan oleh Herring (2002). Beliau menganalisis penyelidikan jurnal elektronik yang diterbitkan pada tahun 1999-2000. Analisis ini memfokus penggunaan sumber elektronik oleh pengguna. Selain itu, kajian ini juga meneliti jenis dan subjek sumber atas talian yang dirujuk. Keputusan menunjukkan berlakunya peningkatan kepercayaan oleh pengguna dalam menggunakan sumber elektronik.

Kajian Smith (2003), memperihalkan peranan majalah elektronik yang menjadi tabiat membaca setiap minggu, di setiap fakulti di Universiti Georgia. Tinjauan mendapati, pengaksesan majalah elektronik terutamanya dalam mengakses bekalan perpustakaan, perlu untuk aktiviti penyelidikan di mana majoriti responden melaporkan mereka membaca sekurang-kurangnya satu artikel daripada sumber elektronik setiap minggu.

Pertambahan dan kepelbagaian jurnal elektronik dalam masa lima tahun yang lepas telah memberi ramalan terhadap kepupusan jurnal bercetak. Sesetengah mempercayai bahawa masa depan jurnal elektronik adalah berbeza daripada jurnal bercetak iaitu ia akan menjadi keperluan kepada pertambahan maklumat. Kajian Chern, Foo dan Chennupati (2000), menghuraikan masa depan jurnal elektronik dan persepsi pelajar ijazah dasar sebagai pengguna dan harapan mereka terhadap jurnal elektronik tersebut. Dapatan menunjukkan penerimaan yang tinggi daripada pengguna terhadap jurnal elektronik berdasarkan kepada kategori pengguna. Secara amnya, jurnal elektronik adalah berbeza daripada jurnal bercetak dan berfungsi sebagai bentuk baru.

Artikel Urquhart et.al (2003) menyatakan perbezaan disiplin dalam penggunaan jurnal elektronik oleh staf akademik dan pelajar di institusi pendidikan tinggi di United Kingdom dan menimbang sama ada perkhidmatan perpustakaan perlu di bezakan di antara

kedua kumpulan ini. Dapatan kajian yang diperolehi daripada 35 orang staf akademik dan 500 orang pelajar mendapati staf akademik menggabungkan penggunaan jurnal elektronik ke dalam bentuk kerja berbeza dengan cara pelajar menggunakannya. Perbezaan ini memberi kesan kepada sokongan perkhidmatan yang dibentuk untuk mempromosi kegunaan jurnal elektronik.

Sementara itu, kajian Tomney dan Burton (1998) menilai sikap pengguna jurnal elektronik dan memeriksa tahap terkini penggunaan penerbitan bahan tersebut di lima buah fakulti di Universiti Strathclyde. Penimbangan diberi kepada pengguna dan bukan pengguna dengan meneliti mengapa mereka mengguna atau tidak menggunakan medium tersebut. Keputusan mendapati, walaupun jumlah ahli akademik yang menggunakan jurnal elektronik adalah rendah, mereka telah mencuba untuk menggunakan medium baru ini. Kebanyakan pengguna ini datang dari Fakulti Sains dan Kejuruteraan, Fakulti Sastera atau Fakulti Perniagaan. Sementara di Jabatan Undang-Undang, terdapat beberapa orang staf yang terlibat dalam projek jurnal elektronik.

Menurut Pullinger (1999) banyak faktor yang mempengaruhi ahli akademik menggunakan jurnal elektronik. Contohnya ialah pengguna yang berdisiplin, peranan atau tahap ketika di universiti, persekitaran maklumat tempatan bercetak dan sumber elektronik, kesedaran kepada sumber dan juga keperluan maklumat. Oleh itu, Superjournal adalah projek Perpustakaan Elektronik yang menyelidik penggunaan jurnal elektronik oleh ahli akademik, ciri-ciri pencarian mereka dan faktor yang menjadikan jurnal elektronik itu berhasil. Projek ini telah membangunkan beberapa hipotesis tentang faktor yang mempengaruhi penggunaan dan mengujinya dengan cara sistematik dan kuantitatif.

### *2.1.5 CD-ROM*

Kajian yang dilakukan oleh McCarthy (1997), menilai persekitaran CD-ROM di Perpustakaan Universiti Rhode Island dengan melihat kepada kecenderungan dan keberkesanan pelajar ketika menggunakan CD-ROM. Seramai 489 pengguna CD-ROM telah terlibat dengan soal selidik tersebut. Data mendedahkan bahawa pengguna CD-ROM memilih CD-ROM melalui bahan bercetak. Majoriti pengguna begitu yakin dalam pencarian tetapi mereka perlu tahu bagaimana untuk membangunkan strategi kajian, memilih pangkalan data CD-ROM yang betul, menggunakan antaramuka perisian yang berbeza dan pencarian yang terhad untuk menjadi pencari yang lebih efektif. Beberapa peratus pengguna mencadangkan agar disediakan lebih jurnal yang dihubungkan dengan CD-ROM, mengakses artikel dari pangkalan data dan bantuan staf yang ramai untuk memperbaiki perkhidmatan.

Sementara itu, kajian Manal (1995) menghuraikan bagaimana pelajar yang tidak tahu berbahasa Inggeris mengakses maklumat dalam bahasa tersebut di Universiti Middle Eastern dengan menggunakan CD-ROM. Bagi memudahkan pelajar mencapai kembali maklumat, pihak universiti telah menyediakan penterjemahan maklumat bahasa Inggeris ke dalam bahasa Arab, penerbitan kamus dwibahasa meliputi jarak luas saintifik, teknologi dan disiplin yang lain, pembangunan terkini oleh institusi lain, melalui atas beberapa talian dan penggunaan pangkalan data pelbagai bahasa meliputi terma komputer dan jarak luas sains dan bidang teknologi yang boleh diakses melalui Gulfnet dan internet. Kajian ini mengharapkan agar pembangunan kesemua sumber pangkalan data di akses melalui semua carian am dan capaian kembali terminal.

Penyelidikan Bucknall dan Mangrum (1992) di Perpustakaan Universiti North Carolina bertujuan untuk melaporkan tinjauan pengguna ke atas pangkalan data CD-

ROM. Data yang dipersembahkan meliputi tahap pengalaman, pemilihan pangkalan data, bagaimana pengguna mempelajari cara menggunakan perkhidmatan tersebut, penggunaan pelbagai pangkalan data, sifat-sifat yang digemari, kepuasan pengguna, pemilihan sumber untuk bantuan carian, strategi penyelidikan dan penggunaan versi bercetak. Kajian yang telah dilakukan ini hampir sama dengan kajian yang akan dilakukan nanti.

Satu kajian lain yang turut membincangkan mengenai penggunaan CD-ROM dilakukan oleh Culbertson (1992). Beliau telah menganalisis pencarian CD-ROM dalam lima pangkalan data Sains dan Kejuruteraan di perpustakaan akademik. Hasil kajian mendapati bahawa pengguna biasanya mampu untuk mendapatkan keputusan dan rekod bercetak tetapi hanya beberapa orang sahaja yang tahu menggunakan teknik sophisticated untuk menapis maklumat yang mereka dapati.

Terdapat juga kajian yang menyelidik bentuk-bentuk penggunaan empat sistem CD-ROM iaitu Electronic Index, SilverPlatters, ERIC, PsyLit dan Dissertation Abstracts Ondisc di Perpustakaan Utama Universiti Georgia yang menyediakan perkhidmatan perpustakaan kepada pengguna Ilmu Kemanusiaan, Sains Sosial dan Perniagaan. Soal selidik yang diedarkan oleh Compton (1991) ini hanya melibatkan kepada 157 orang pelajar dan 12 orang staf fakulti. Kesan dari kajian yang dilakukan mendapati seramai 1/3 pengguna tidak menggunakan CD-ROM, manakala selebihnya pula mencari maklumat dengan menggunakan CD-ROM. Kurang daripada 20% pengguna CD-ROM tidak pernah menggunakan perkhidmatan pencarian atas talian yang lain. Kebanyakan pengguna CD-ROM melaporkan bahawa mereka memilih sistem carian CD-ROM kerana ia lebih cepat berbanding indeks bercetak.

Menurut Jackson dan Pershing (1993), ERIC dan PsycLit adalah dua pangkalan data CD-ROM yang paling kerap digunakan di kampus Universiti Indiana, Bloomington

Beberapa latihan telah dibangunkan untuk membantu pelajar menggunakan sumber yang popular ini. Ia termasuklah pembentangan kelas ke atas ERIC di Jabatan Pendidikan dan latihan bengkel untuk pengguna ERIC dan PsycLit di dalam perpustakaan. Satu kajian tinjauan dijalankan untuk mengenal pasti bagaimana latihan ini memberi kepuasan kepada pengguna. Seramai 146 pelajar ijazah dasar dan 111 pelajar ijazah lanjutan telah terlibat dengan penyelidikan ini. Dapatan menunjukkan 67.7% pelajar yang mengikuti latihan ini berpuas hati dengan keputusan carian berbanding 47.4% pelajar yang tidak menerima latihan dan memilih untuk belajar sendiri. Kepuasan pengguna secara amnya lebih baik di Perpustakaan Pendidikan berbanding Perpustakaan Rujukan kerana pelajar ijazah dasar pendidikan dikehendaki menerima latihan ERIC di dalam kelas.

Analisis keperluan pengguna ke atas CD-ROM telah dilakukan di Kampus Tampa Universiti South Florida oleh Wells (1992). Kajian ini mengenal pasti masalah yang berhubungan dengan pemilihan pangkalan data yang sesuai, pencarian dan keperluan pembantu teknikal yang merupakan bahagian yang diperlukan oleh pengguna. Perpustakaan ini mempunyai 17 pangkalan data dan menggunakan 9 jenis perisian. Kajian mendapati secara kasarnya pengguna menggunakan CD-ROM sebagai permintaan bantuan. Cadangan tersebut mencadangkan agar latihan disediakan kepada pustakawan dan pengguna untuk kepentingan mereka.

Seterusnya kajian Balraj (1994), cuba untuk mengenal pasti sekiranya bentuk latihan yang diterima oleh pengguna CD-ROM memberi kesan ke atas tahap kepuasan keputusan carian mereka. Pelajar Universiti Kent State, fakulti dan pengguna yang menggunakan pangkalan data CD-ROM untuk capaian kembali maklumat telah diselidik. Dua kaedah latihan yang utama iaitu formal dan tidak formal telah diukur untuk melihat keberkesanannya. Dapatan kajian menunjukkan latihan formal secara tidak penting

mempunyai hubungan dengan tahap kepuasan pengguna tetapi ia masih merupakan bahagian yang berhubungan dengan pengajaran CD-ROM.

Penyelidikan Balaraman (1991) pula menghuraikan keputusan kajian yang memberi kesan perbezaan individu ke atas penggunaan pangkalan data CD-ROM oleh pelajar ijazah dasar yang tidak berpengalaman. Faktor yang ditimbangkan ialah umur, jantina, bahasa asal, pengkhususan, kebolehan komputer, cara pembelajaran dan pandangan terhadap kemampuan penggunaan komputer. Manakala kajian Bowers dan Lewis (1999) meninjau keputusan pelajar terhadap pembelajaran berdasarkan CD-ROM di Universiti Terbuka, Wales. Objektif utama ialah untuk memastikan penggunaan CD-ROM dengan mudah oleh pelajar dan untuk meneliti kejayaan pengalaman pembelajaran. Keseluruhan pelajar bertindak balas terhadap soal selidik yang diedarkan.

#### *2.1.6 Umum*

Perkembangan sumber elektronik telah memberi kesan ke atas cara penggunaan, penyimpanan dan pemeliharaan maklumat ahli akademik. Dalam usaha untuk mengetahui sepenuhnya bagaimana teknologi ini memberi kesan kepada sikap akademik yang profesional, JSTOR melalui Heterick (2002) telah menguruskan tinjauan ke atas institusi pendidikan tinggi di Amerika pada tahun 2000. Objektifnya ialah untuk mengenal pasti bagaimana ahli akademik menerima dan menggunakan sumber elektronik untuk tujuan penyelidikan, mempelajari sikap mereka terhadap kesan teknologi hari ini dan akan datang melalui penggunaan perpustakaan serta kesedaran mengenai isu yang berhubung dengan penyimpanan.

Kajian Majid dan Tan (2002) pula membincangkan mengenai keperluan maklumat dan sikap pencarian maklumat pelajar ijazah pertama kejuruteraan komputer di



Universiti Teknologi Nanyang, Singapura. Kajian ini menyelidik jenis-jenis sumber maklumat yang digunakan oleh pelajar, pemilihan format maklumat, kepentingan dan alasan menggunakan beberapa sumber maklumat serta kegunaan pelbagai sumber elektronik maklumat. Seramai 102 responden menyatakan, bahan bercetak merupakan medium yang menjadi pilihan pelajar. Lima tertinggi memilih sumber maklumat, diikuti buku, internet dan bantuan kawan-kawan dan pensyarah. Tidak diduga sama sekali penggunaan pangkalan data dan jurnal elektronik adalah paling rendah di kalangan pelajar kejuruteraan.

Sementara itu, kajian yang dijalankan oleh Martin (2003) merupakan perbandingan penggunaan kemudahan perpustakaan di kalangan pelajar perubatan tahun satu dan pelajar program pascasiswazah (GEP) untuk melihat perkhidmatan manakah yang kerap digunakan oleh pelajar GEP. Hasil kajian mendapati pelajar GEP telah menggunakan sekurang-kurangnya sekali seminggu kemudahan perpustakaan berbanding pelajar tahun satu. Kemudahan yang sering digunakan oleh kedua-dua kumpulan pelajar ialah mel-elektronik, PC dan kemudahan pembelajaran. Pakej pengajaran-pembelajaran komputer, jurnal dan kemudahan video adalah yang paling kurang digunakan. Walau bagaimana pun, seramai 74% pelajar GEP telah menggunakan jurnal bercetak, 59% menggunakan jurnal elektronik, 26% menggunakan fotokopi, 42% menggunakan pencetak, 56% menggunakan katalog perpustakaan dan 50% menggunakan pangkalan data.

Kajian yang dilakukan oleh Zhang (2001) meneliti penggunaan internet sebagai sumber elektronik oleh kumpulan Perpustakaan dan Sains Maklumat (LIS). Beliau memfokus bagaimana pelajar mengguna, menyebut dan menilai sumber elektronik semasa berlakunya proses penyelidikan. Penyelidikan ini juga memperlihatkan masalah

yang dihadapi pengguna apabila menggunakan sumber elektronik. Kajian mendapati terdapatnya jumlah peningkatan penulis di dalam artikel penyelidikan yang melebihi tempoh lapan tahun. Keputusan ini menunjukkan bahawa berlakunya peningkatan penggunaan sumber elektronik oleh kerana pengguna menjadikan sumber elektronik sebagai sumber yang penting dalam penyelidikan.

Keputusan yang ditulis oleh Liebscher, Abels dan Denman (1997) di dalam artikel ini adalah sebahagian dari kajian yang membincangkan faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan dan penggunaan rangkaian elektronik di Fakulti Sains dan Kejuruteraan di enam buah universiti di selatan tenggara Amerika Syarikat. Sebahagian dari data kajian dikutip untuk kemajuan, jenis dan keluasan komunikasi elektronik. Artikel ini melaporkan lima jenis penggunaan rangkaian komputer iaitu mel-elektronik, kumpulan perbincangan elektronik, pengaksesan pangkalan data elektronik, pengaksesan kemudahan komputer dan pemindahan fail. Bagi setiap perkhidmatan, data dilaporkan untuk melihat kekerapan penggunaan penyelidikan, pengajaran, pentadbiran, sosial dan kesedaran terkini.

Seterusnya penyelidikan Wrightson (1997) membincangkan sikap, pandangan dan potensi pengguna ke atas teks yang berasaskan elektronik. Beliau memfokus kepada pandangan pelajar dan pengajar mengenai apa yang perlu dilakukan untuk menggalakkan penyediaan, pemilihan dan penggunaan buku teks yang lebih baik pada masa hadapan. Tinjauan ke atas pelajar ijazah lanjutan dan fakulti telah dijalankan pada musim panas tahun 1997 bertujuan untuk membantu menjawab persoalan tentang penggunaan media berasaskan elektronik berbanding teks di atas kertas.

Satu lagi kajian yang berkaitan dengan penggunaan sumber elektronik dilakukan oleh Crawford dan Daye (2000). Mereka membincangkan mengenai tingkat penggunaan

maklumat elektronik di Perpustakaan Caledonian dan maklumat di Universiti Universiti Glasgow Caledonian. Kajian pemerhatian yang dibuat mendapati pemprosesan perkataan, penghantaran dan penerimaan mel-elektronik serta *browsing* web adalah aktiviti yang paling utama dilakukan. Keputusan daripada soal selidik mendapati kebanyakan responden mempunyai PC, hanya 18% sahaja yang menggunakan CD-ROM dan 13% menggunakan pangkalan data. Lebih 1/3 menghadapi masalah dalam menggunakan maklumat elektronik.

Tujuan kajian yang dilakukan oleh Sanna dan Hanni (2003), adalah untuk menyumbang pembangunan pendekatan analitikal yang menerangkan penggunaan dan bukan penggunaan jurnal elektronik dan pangkalan data di empat buah disiplin yang berbeza iaitu Sains Kejururawatan, Kajian Budaya, Sejarah dan Sains Persekitaran Ekologikal. Keputusan kajian mendapati, jurnal elektronik dan pangkalan data adalah paling kerap digunakan sebagai pencarian terus dan ia adalah kaedah carian yang paling dominan dan relevan dalam mendapatkan maklumat semasa.

Kajian Jirogwong dan Wallin (2002) merupakan perbandingan penggunaan maklumat yang menggunakan kaedah formal dan tidak formal oleh pengguna di fakulti di Universiti Australia bagi tujuan pengajaran dan aktiviti penyelidikan. Kajian ini memeriksa penggunaan sumber elektronik dan kekerapan penggunaan mereka terhadap sumber ini. Kajian ini juga turut meneliti ciri-ciri penilaian fakulti ke atas penggunaan kaedah tidak formal pencarian maklumat dan mengenal pasti sekiranya terdapat hubungan di antara ciri-ciri fakulti dan penggunaannya terhadap kaedah tidak formal dalam mendapatkan maklumat.

Menurut Mehta dan Young (1995), peningkatan sistem sumber elektronik dan perkhidmatan telah menjadi sebahagian daripada perkhidmatan perpustakaan. Bagi

membuktikan pernyataan ini, mereka telah menjalankan kajian ke atas pengguna di Fakulti Sains dan Kejuruteraan, Universiti Alabama tentang penggunaan sumber elektronik untuk menjawab kepada keperluan maklumat saintifik dan teknikal. Keputusan mendapati walaupun pengguna didedahkan dengan sumber elektronik, mereka masih gemar menggunakan sumber bercetak atau rangkaian tidak formal untuk mendapatkan keperluan maklumat.

Pelajar-pelajar diharapkan dapat meningkatkan penggunaan sumber elektronik sementara berada di universiti. Untuk tujuan itu, Ray dan Day (1998) telah mengkaji tahap penggunaan jenis-jenis sumber, pandangan pelajar mengenai pelbagai isu yang terdapat di dalam sumber elektronik dan samada berlakunya perubahan sikap ke atas mereka. Seramai 317 orang pelajar di tiga buah universiti telah menjawab kepada persoalan tersebut. Dapatan menunjukkan bahawa sumber elektronik telah memperbaiki kerjaya akademik dan mereka merasa susah sekiranya tidak menggunakan sumber-sumber ini.

Penyelidikan Milne (1999) telah melaporkan satu kajian kes di Perpustakaan Universiti Kebangsaan Australia dan komuniti pengguna. Ia membincangkan kesan penambahan elektronik maklumat ke atas bentuk komunikasi pengguna terutamanya kepada ahli akademik. Selain itu, bentuk pencarian maklumat oleh ahli akademik juga dibincangkan. Penyelidikan menunjukkan bahawa ahli akademik berpura-pura menerima teknologi baru ini. Keadaan ini telah memberi kesan kepada perkhidmatan perpustakaan akademik kerana pihak perpustakaan bercadang untuk membangunkan program latihan, pembentukan pangkalan data elektronik dan jurnal elektronik.

## 2.2 Faedah penggunaan sumber elektronik

Pelbagai faedah boleh diperolehi oleh pengguna sekiranya mereka rajin berusaha menggunakan sumber elektronik. Buktinya, kajian yang dijalankan oleh Dilevko dan Gottlieb (2002) menunjukkan seramai 25.5% pelajar memilih sumber jurnal atas talian dan 9.8% memilih menggunakan web kerana tiada tekanan masa, cekap, mudah untuk mengakses, dan maklumatnya boleh diperolehi dari lokasi yang lain. Faedah lain yang turut diperolehi dengan menggunakan perkhidmatan ini ialah pengguna akan mencapai lebih banyak pangkalan data yang menggunakan protokol set yang sama (Milne, 1999)

Kajian Troost (ND) yang mengkaji tentang penggunaan pangkalan data elektronik masyarakat Jepun juga menyatakan beberapa faedah yang akan diperolehi apabila pengguna menggunakan pangkalan data Nichigai. Faedah tersebut ialah pangkalan data ini menyediakan kemudahan untuk pencarian, mencetak dan pembayaran. Selain itu, ia juga adalah mesra pengguna, pangkalan datanya yang berasaskan web memudahkan pengguna untuk memahami arahan dan ia disediakan setiap masa.

Menurut kenyataan Nichols (ND), media elektronik telah menjanjikan sesuatu yang tidak terduga yang diimpikan oleh pengguna dalam masa lima tahun yang lepas: pencarian pangkalan data yang besar dan luas, menghubungkan dengan segera rakan sekerja dan pelajar di seluruh dunia; kandungan laman web, konteks dan bahan-bahan yang dihubungkan dengan luas kepada maklumat yang teratur; kandungan multimedia yang hebat, imej dan fail audio di dalam bilik kelas bagi penggunaan pelajar.

Seterusnya Brophy (1993) menyatakan dengan terperinci faedah sumber elektronik maklumat kepada pengguna seperti, maklumat yang dikehendaki boleh dihantar dari sumber yang paling sesuai kepada pengguna, pengguna dibenarkan untuk menentukan sekali lagi keperluannya secara dinamik, maklumat boleh diperolehi bila ia

diperlukan, maka ia menjadi “*just in time*” daripada “*just in case*”, pengguna memilih hanya maklumat yang diperlukan untuk menjawab soalan tertentu dan akhir sekali maklumat tersebut hanya disimpan apabila pengguna mahu ia berbuat demikian.

Sementara itu, faedah lain yang disediakan ialah sumber maklumat elektronik biasanya adalah cepat berbanding indeks bercetak terutama apabila pencariannya secara retrospektif dan ia lebih *straight forward* apabila pengguna mengharapkan untuk mengguna kombinasi kata kunci. Selain itu, ia juga berkemampuan membuka pelbagai fail carian dalam masa yang sama dan menyempurnakan pencapaian yang hebat dengan mudah. Sumber elektronik boleh dicetak dan cariannya disimpan untuk dibuka kembali pada hari berikutnya serta ia boleh dikemas kini dengan lebih kerap. Satu lagi kelebihanannya ialah, ia boleh diakses daripada luar perpustakaan bagi pengguna yang mempunyai masa terhad untuk berbuat demikian (Ray & Day, 1998).

### **2.3 Ringkasan dapatan**

Berdasarkan kepada kajian yang dibincangkan di atas didapati, kebanyakan pengkaji terdahulu lebih gemar membincangkan satu atau pun dua sumber elektronik di dalam kajian mereka. Namun begitu, terdapat juga beberapa orang pengkaji yang membincangkan kesemua sumber elektronik yang terdapat di perpustakaan mereka. Dalam keadaan tersebut, sudah tentulah dapatan yang diperolehi juga berbeza-beza kerana tiadanya keseragaman tujuan kajian. Kalaupun ada, ia tidak mencapai seratus peratus dapatan yang diinginkan.

Namun begitu, hasil ulasan karya yang diperolehi memaparkan keputusan yang positif kepada semua pelajar di universiti dan kolej. Dapatan menunjukkan mereka tetap menerima sumber elektronik walaupun ada di antara mereka yang kurang arif dan tidak

menggunakan kesemuanya sumber elektronik yang disediakan. Dalam banyak-banyak sumber elektronik yang diberikan didapati, kebanyakan pelajar lebih selesa memilih untuk menggunakan perkhidmatan internet ketika mengakses maklumat kerana antaramukanya yang mesra pengguna dan mudah difahami oleh pengguna baru. Manakala sumber elektronik yang lain pula menunjukkan penggunaan yang amat rendah sekali. Oleh itu, kekurangan yang dihadapi ini tidak boleh dilihat sebagai kelemahan kepada kajian yang akan dijalankan nanti.

#### **2.4 Kesimpulan**

Kesimpulannya, beberapa kajian terdahulu yang dibincangkan di atas telah menjadi asas di dalam penyelidikan ini. Daripada kesemua kajian yang dinyatakan, hanya empat tajuk kajian sahaja yang agak menyamai dengan kajian yang akan dilakukan oleh pengkaji. Kajian tersebut dijalankan oleh Crawford dan Daye (2000), Mehta dan Young (1995), Ray dan Day (1998) serta Majid dan Tan (2002).

Oleh itu adalah diharapkan, dengan adanya persamaan di antara kajian pengkaji dengan kajian terdahulu sedikit sebanyak dapat membantu dan memudahkan lagi pengkaji meneruskan penyelidikan ke atas pelajar-pelajar di Fakulti Pendidikan.

## BAB 3

### KAEDAH KAJIAN

#### 3.0 Pendahuluan

Bab ini akan membicarakan mengenai kaedah yang digunakan dari awal kajian dilakukan sehinggalah selesai. Kajian ini adalah untuk mendapatkan maklumat mengenai penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan di Universiti Malaya.

Kaedah yang tersusun kemas akan memberikan hasil dapatan yang baik. Oleh sebab itu, bahagian ini akan menerangkan kaedah yang digunakan. Antara lain bahagian ini menghuraikan kaedah kajian, populasi dan persampelan, instrumen, penyediaan soal selidik, *pilot survey*, koleksi data, kelemahan koleksi data dan analisis data. Secara asasnya, kajian ini bertujuan untuk mendapatkan jawapan sebenar daripada pelajar sendiri berkenaan isu penggunaan sumber elektronik di universiti atau lebih luas lagi dari aspek pendidikan.

#### 3.1 Kaedah Kajian

Menurut Rohana (2003), penyelidikan adalah satu proses penyiasatan dan penelitian bagi menemui fakta dan maklumat atau pengetahuan baru. Sehubungan dengan itu, penyelidikan juga merupakan satu proses memperolehi maklumat secara saintifik untuk membantu proses membuat keputusan dalam pengurusan sebagai contohnya. Terdapat pelbagai kaedah penyelidikan yang digunakan bagi mengkaji dan memahami fenomena yang meliputi segala aspek interaksi manusia di sekeliling kita. Namun begitu dalam kajian ini, hanya kaedah deskriptif yang digunakan.



Dalam kajian ini, pengkaji telah memilih untuk menggunakan kaedah tinjauan yang menggunakan soal selidik yang diharapkan dapat mengumpul data dengan lebih cepat dan mendapat gambaran yang luas terhadap persoalan kajian. Mengikut Rohana (2003), kaedah tinjauan digunakan kerana terdapat sesetengah kajian yang sukar dilakukan dengan hanya menggunakan cara-cara yang lain. Ini kerana sesetengah kajian melibatkan kumpulan yang besar atau pun maklumat yang berunsur generalisasi.

Terdapat tiga kaedah dalam mengumpulkan data berbentuk tinjauan iaitu dengan menggunakan soal selidik, menggunakan temubual perseorangan dan temubual melalui telefon (Mahmood & Marican, 1998). Menurut Bailey (1992), penggunaan soal selidik sebagai alat kajian adalah bersifat logik, saintifik dan khusus.

### **3.2 Populasi dan persampelan**

Pemilihan lokasi untuk kajian ini ialah di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya dan kajian hanya memfokus kepada pelajar-pelajar di fakulti itu sahaja. Populasi ini terdiri daripada pelajar pelbagai bidang dan jabatan dan mereka ini meliputi pelajar ijazah dasar dan pelajar ijazah lanjutan. Terdapat lebih kurang 2000 orang pelajar yang sedang menuntut di fakulti tersebut. Namun begitu, hanya seramai 120 orang pelajar sahaja dipilih sebagai sampel kajian bagi menjawab kepada borang soal selidik yang diedarkan.

Pemilihan sampel pula diperolehi daripada pendedaran soal selidik yang dilakukan oleh pelajar-pelajar ketika membantu penyelidik. Ini kerana penyelidik tidak menetapkan jabatan atau tahap pelajar yang dibenarkan menjawab soal selidik yang diedarkan, sebaliknya pelajar berkenaan bebas mengedarkan soal selidik tersebut kepada responden yang sudi menjawabnya. Bagi memudahkan proses pendedaran soal selidik, pelajar-pelajar yang membantu telah mengedarkan borang tersebut kepada rakan-rakan

sekuliah atau pun pelajar di sekitar Fakulti Pendidikan. Penyelidik menerima sampel tersebut sebagai bahan benar berdasarkan kepada jawapan yang diterima daripada soal selidik tersebut.

### 3.3 Instrumen

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah borang soal selidik. (Sila lihat lampiran A). Borang soal selidik merupakan nadi kaji selidik dengan erti kata ia dianggap sebagai pengganti diri penyelidik. Soal selidik adalah borang yang menyediakan soalan-soalan dalam beberapa bahagian serta ruangan bagi responden untuk dijawab. Lazimnya soal selidik bersifat *standard* di mana soalan yang sama akan diberi kepada semua responden tanpa mengira lapisan masyarakat (Rohana, 2003).

Bagi mengumpul data, pengkaji telah menggunakan borang soal selidik berbentuk tertutup. Menurut Babbie (1986), soalan tertutup memberi keseragaman dalam jawapan dan senang diproses. Bailey (1992) pula menyatakan bahawa kelebihan soalan berpilihan tetap ialah jawapannya adalah lebih mudah untuk dikodkan dan dianalisis terus dari borang soal selidik, menjimatkan masa dan wang. Sementara, jawapan skala likert yang mengandungi empat skala pilihan dalam soalan tertutup di dalam borang soal selidik (Lihat lampiran A) adalah untuk menentukan tahap penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar samada positif atau negatif. Melalui skala ini, responden akan menunjukkan samada sesuatu perkara itu mereka anggap sangat setuju, setuju, kurang setuju dan tidak setuju langsung. Borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar mempunyai 18 soalan daripada empat bahagian seperti berikut :

- i. Bahagian A : Profil peribadi
- ii. Bahagian B : Penggunaan sumber elektronik

- iii. Bahagian C : Pendedahan terhadap komputer dan latihan sumber elektronik yang diperolehi
- iv. Bahagian D : Masalah penggunaan

### *3.3.1 Profil peribadi*

Terdapat sebanyak 3 soalan yang diutarakan bagi mengkaji profil peribadi pelajar seperti status pelajar, umur dan jantina. Soalan ini bertujuan untuk memberi maklumat mengenai profil peribadi dan maklumat sokongan yang dikehendaki oleh kajian.

### *3.3.2 Penggunaan sumber elektronik*

Bahagian ini mengandungi 10 soalan bagi melihat penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar. Tujuannya ialah untuk mengetahui di manakah pelajar sering menggunakan sumber elektronik dan apakah tujuan mereka menggunakan perkhidmatan tersebut.

### *3.3.3 Pendedahan terhadap komputer dan latihan sumber elektronik yang didapati*

Sejumlah 3 soalan dinyatakan di dalam bahagian ini. Ia bertujuan untuk mengenal pasti pendedahan terhadap komputer dan latihan sumber elektronik yang didapati oleh pelajar Fakulti Pendidikan.

### *3.3.4 Masalah penggunaan*

Bahagian ini mengandungi 2 soalan bagi meneliti masalah yang dihadapi ketika pengguna mengakses sumber elektronik dan siapakah yang dihubungi sekiranya terjadi keadaan sedemikian.

### 3.4 Penyediaan soal selidik

Soal selidik ini dirangka berpandukan kepada objektif kajian yang telah ditetapkan pada bab satu. Sebanyak empat bahagian telah ditetapkan dalam objektif kajian tersebut yang menjadi asas kepada pembentukan soal selidik. Selain itu, soal selidik ini juga turut dibina berdasarkan kepada penyelidikan yang pernah dilakukan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu yang hampir sama dengan kajian yang dilakukan. Antara penyelidik tersebut ialah Ray dan Day (1998). Pada awalnya, soal selidik ini mengandungi 28 soalan tetapi telah dikurangkan menjadi 18 soalan. Kesemua soalan yang dibina berbentuk soalan tertutup. Hanya satu soalan sahaja yang berbentuk skala likert. Soalan tertutup dipilih untuk memudahkan responden memberi jawapan sekaligus menyenangkan penyelidik memproses jawapan yang diterima.

### 3.5 *Pilot survey*

Sebelum soal selidik yang sebenar diedarkan kepada pelajar di Fakulti Pendidikan, *pilot survey* terlebih dahulu dilakukan untuk memastikan soalan yang diberikan adalah bersesuaian dengan tujuan kajian dan difahami oleh pelajar. Sekiranya terdapat kekeliruan ketika menjawab soalan yang diberikan, soalan tersebut akan diubah atau digugurkan terus dari dijadikan *final* soal selidik.

Sebanyak 20 borang soal selidik telah diedarkan kepada pelajar sebagai *pilot survey*. Ia telah diedarkan pada 20 Januari 2004 dengan memilih secara rawak di kalangan pelajar di Fakulti Pendidikan. Penghantaran soal selidik ini juga adalah melalui tangan. Maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang telah diedarkan ialah kebanyakan pelajar memahami soalan yang diberikan cuma terdapat sembilan orang pelajar sahaja yang terkeliru dengan soalan nombor empat. Kekeliruan itu berlaku kerana

mereka telah menanda lebih dari satu jawapan sedangkan soalan hanya meminta satu sahaja. Oleh itu, pengkaji telah mengubah bentuk soalan tersebut tetapi masih dalam maksud yang sama.

Selain itu, dua soalan turut digugurkan kerana soalan yang diutarakan itu hampir sama dengan soalan yang telah ditanyakan pada bahagian lain. Soalan tersebut berkenaan pengetahuan pelajar mengenai sumber elektronik dan pandangan mereka tentang penggunaan sumber elektronik di dalam kehidupan seharian. Kedua-dua soalan ini digugurkan kerana kesemua pelajar mengetahui tentang sumber elektronik dan rata-rata daripada mereka mengatakan sumber elektronik amat penting sebagai sumber pencarian maklumat mereka.

### **3.6 Koleksi data**

Soal selidik yang sebenar telah diedarkan pada 28 Januari 2004 dan ia hanya mengambil masa lebih kurang lapan hari bagi mendapatkan kembali soal selidik yang telah diedarkan. Sebanyak 120 soal selidik telah diedarkan dengan menggunakan tangan tetapi hanya 110 soal selidik sahaja yang dikembalikan kepada penyelidik. Daripada soal selidik tersebut, hanya 101 yang berjawab manakala yang selebihnya dipulangkan dalam keadaan tidak berjawab.

Bagi memastikan proses pengedaran soal selidik berjalan dengan lancar, pengkaji telah mendapatkan pertolongan daripada tiga orang pelajar di Fakulti Pendidikan. Mereka ini terdiri daripada pelajar tahun satu, tahun tiga dan pelajar sarjana. Setiap daripada pelajar ini mendapat sebanyak 40 soal selidik kecuali pelajar sarjana mendapat 25 soal selidik untuk diedarkan kepada rakan-rakan semasa kuliah sedang berjalan.

Walaupun pengkaji mendapat bantuan daripada pelajar di Fakulti Pendidikan, ini tidak bermakna pengkaji tidak mengambil bahagian di dalam pendedaran soal selidik tersebut. Contohnya, pengkaji telah menunggu waktu rehat pelajar sarjana iaitu pada pukul 7.30 malam hari Jumaat bagi mengedarkan soal selidik yang selebihnya. Masa terluang tersebut digunakan dengan sepenuhnya agar pelajar dapat menjawab dan memulangkan kembali soal selidik yang telah diedarkan kepada mereka.

Kesemua soal selidik yang diedarkan dikumpul kembali oleh pengkaji dengan bertemu dengan pelajar-pelajar yang telah menjadi pembantu pengkaji.

### **3.7 Kelemahan koleksi data**

Terdapat beberapa kelemahan yang didapati daripada koleksi data yang diperolehi. Antaranya ialah segelintir responden yang tidak berminat untuk menjawab dengan sepenuhnya soal selidik yang diberikan. Namun begitu kelemahan ini tidak boleh dijadikan ukuran sebagai kegagalan kepada kajian yang dilakukan.

Selain itu, kelemahan yang boleh dikenal pasti ialah pengkaji terpaksa menerima soal selidik yang tidak berjawab dan tidak dipulangkan langsung. Keadaan ini terjadi kerana soal selidik tersebut diedarkan secara rawak tanpa mengenal pasti responden yang telah mengambil bahagian di dalam pendedaran soal selidik. Walaupun begitu, penyelidik tetap berpuas hati dengan data yang diterima kerana ia masih lagi berada pada jumlah yang dikehendaki oleh penyelidik.

### **3.8 Analisis data**

Di dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan statistik deskriptif bagi menganalisis data. Data tersebut dianalisis dengan menggunakan bantuan perisian

*Statistical Packages for the Social Science 11.5* (SPSS). Hasil daripada penganalisaan data diterima sebagai maklumat yang menyatakan keadaan sebenar berkaitan penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

### **3.9 Kesimpulan**

Bab ini telah membincangkan kaedah kajian yang dibahagikan kepada lapan bahagian. Perbincangan tersebut meliputi kaedah kajian, populasi dan persampelan, instrumen, penyediaan soal selidik, *pilot survey*, koleksi data, kelemahan koleksi data dan analisis data.

Bab seterusnya iaitu bab empat akan menganalisa pula data yang diperolehi daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada responden di Fakulti Pendidikan berkenaan penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar.

## **BAB 4**

### **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **4.0 Pendahuluan**

Bahagian ini akan menerangkan tentang penganalisan data yang dilakukan berpandukan soal selidik yang telah diperolehi semula daripada 101 orang responden di kalangan pelajar di Fakulti Pendidikan Universiti Malaya.

Maklumat yang dikumpul telah diuji untuk kesahannya dengan menggunakan perisian *Statistical Packages for The Social Science* (SPSS). Ia bertujuan untuk mempercepatkan proses pengiraan pekali kebolehpercayaan sesuatu alat ukur. Pengiraan pekali kebolehpercayaan ini membolehkan penyelidik mengurangi kesilapan yang mungkin dilakukan dengan penggunaan pengiraan manual.

Selain itu, maklumat yang diperolehi juga ditabulasi silang bagi menentukan variasi yang berlaku pada satu pemboleh ubah dan kaitannya dengan variasi yang berlaku pada satu pemboleh ubah yang lain (Mohd Majid, 1994). Kesemua maklumat yang diperolehi dipersembahkan ke dalam bentuk jadual.

#### **4.1 Profil peribadi**

Bahagian ini mengandungi tiga soalan utama yang menghuraikan profil peribadi responden. Kesemua soalan ini dianalisis untuk mengetahui mengenai peratus status, umur dan jantina. Analisis ini perlu dilakukan untuk melihat hubung kait di antara responden dengan sumber elektronik itu sendiri. Ini kerana dengan adanya analisis di antara variabel status, umur dan jantina, ia akan memudahkan pengkaji membuat kesimpulan kepada kajian yang dilakukan.



#### 4.1.1 Status responden

**Jadual 4.1**  
**Status responden**  
**n=101**

<b>Status</b>	<b>Jumlah responden</b>	<b>Peratus</b>
Tahun 1	37	36.6
Tahun 2	2	2.0
Tahun 3	24	23.8
Tahun 4	1	1.0
Sarjana	37	36.6
<b>Jumlah</b>	<b>101</b>	<b>100</b>

Jadual 4.1 di atas menerangkan tentang status pelajar yang sedang menuntut di Fakulti Pendidikan yang mengambil bahagian di dalam kaji selidik ini. Mereka ini terdiri daripada 36.6% pelajar tahun satu, 2% untuk pelajar tahun dua, 23.8% pelajar tahun tiga dan 1% bagi tahun empat. Bagi pelajar sarjana pula, seramai 36.6% pelajar telah terlibat di dalam penyelidikan ini yang mewakili kepada pelajar ijazah lanjutan. Merujuk kepada gambarajah tersebut, pelajar tahun satu dan pelajar sarjana mencatatkan peratusan yang sama. Manakala pelajar tahun empat merupakan jumlah terendah yang mengambil bahagian di dalam penyelidikan ini.

#### 4.1.2 Umur responden

Dalam kajian ini, peringkat umur yang menjadi tumpuan ialah pelajar disekitar umur 20 tahun hingga 51 dan ke atas. Jurang perbezaan umur yang agak tinggi ini sudah semestinya boleh mempengaruhi keperluan maklumat di antara responden. Untuk melihat dengan lebih jelas taburan umur di kalangan responden, ianya akan dipaparkan dalam jadual 4.2 berikut.

**Jadual 4.2**  
**Umur responden**  
**n=101**

<b>Umur</b>	<b>Jumlah responden</b>	<b>Peratus</b>
Bawah 30 tahun	70	69.3
31 – 40 tahun	22	21.8
41 – tahun 50	9	8.9
<b>Jumlah</b>	<b>101</b>	<b>100</b>

Mengikut data yang diperolehi, peringkat umur di bawah 30 tahun adalah pelajar yang paling ramai mewakili kajian iaitu 69.3%, diikuti dengan kumpulan pelajar yang berumur di antara 31 hingga 40 tahun yang mencatatkan 21.9%. Sementara itu, pelajar berumur di sekitar 41 hingga 50 tahun mencatat jumlah yang terendah iaitu 8.9%. Manakala pelajar yang berumur di antara 51 tahun dan ke atas tidak terlibat langsung dalam penyelidikan ini.

#### 4.1.3 Jantina responden

**Jadual 4.3**  
**Jantina responden**  
**n=101**

<b>Jantina</b>	<b>Jumlah responden</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	38	37.6
Perempuan	63	62.4
<b>Jumlah</b>	<b>101</b>	<b>100</b>

Dari segi perbezaan jantina pula, pelajar perempuan lebih ramai yang terlibat di dalam penyelidikan ini iaitu sebanyak 62.4% sementara pelajar lelaki pula berjumlah 37.6%. Keputusan yang diperolehi ini menunjukkan pelajar perempuan mengatasi pelajar lelaki ketika menggunakan sumber elektronik. Taburan jantina ini boleh dirujuk pada jadual 4.3 yang tertera di atas.

## 4.2 Penggunaan sumber elektronik

Bahagian ini pula mengandungi 10 soalan berbentuk tertutup dan likert bagi mewakili kajian yang dilakukan. Kesemua soalan yang dipaparkan membicarakan mengenai penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar. Berikut dinyatakan mengenai soalan 4 hingga soalan 13 yang tertera di bawah.

### 4.2.1 Dari mana dengar tentang sumber elektronik

Jadual 4.4 di bawah membincangkan mengenai sumber elektronik yang didengari oleh responden buat pertama kalinya. Seramai 90.1% telah melibatkan diri untuk menjawab soalan ini. Sebaliknya, seramai 9.9% responden tidak menjawab kepada soalan yang diberikan.

**Jadual 4.4**  
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>37.4</b>	<b>2</b>	<b>2.0</b>	<b>23</b>	<b>23.2</b>	<b>1</b>	<b>1.0</b>	<b>36</b>	<b>36.4</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Namun begitu, terdapat juga responden yang tidak menghadapi masalah tersebut di mana ia mencatatkan 29.3% untuk responden sarjana, 16.% responden tahun 1, 6.1% responden tahun 3 dan 1% responden tahun 4.

Jadual 4.17.7b memaparkan tabulasi silang di antara masalah bahasa dengan umur responden. Didapati, responden berumur bawah 30 tahun mencatatkan 40.4%, diikuti 4% responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun dan 3% responden berumur di antara 41 hingga 50 tahun menghadapi masalah bahasa ketika menggunakan sumber elektronik.

**Jadual 4.17.7b**  
**Tabulasi silang masalah bahasa dengan umur**  
**n=99**

Masalah bahasa	Umur							
	Bawah 30 tahun		31 – 40 tahun		41 – 50 tahun		N	%
	N	%	N	%	N	%		
Tidak	29	29.3	17	17.2	6	6.1	52	52.5
Ya	40	40.4	4	4.0	3	3.0	47	47.5
<b>Jumlah</b>	<b>69</b>	<b>69.7</b>	<b>21</b>	<b>21.2</b>	<b>9</b>	<b>9.1</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Namun begitu, seramai 29.3% responden berumur bawah 30 tahun, 17.2% responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun dan 6.1% responden berumur di antara 41 hingga 50 tahun tidak menghadapi masalah tersebut.

Jadual 4.17.7c yang tertera di bawah menunjukkan tabulasi silang di antara masalah bahasa dengan jantina responden. Didapati, seramai 32.3% responden perempuan dan 15.2% responden lelaki menghadapi masalah bahasa ketika menggunakan sumber elektronik.

**Jadual 4.17.7c**  
**Tabulasi silang masalah bahasa dengan jantina**  
**n=99**

Masalah bahasa	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak	22	22.2	30	30.3	52	52.5
Ya	15	15.2	32	32.3	47	47.5
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>37.4</b>	<b>62</b>	<b>62.6</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Namun begitu, seramai 22.2% responden lelaki dan 30.3% responden perempuan tidak menyatakan keadaan sedemikian.

Jadual 4.17.8a merupakan tabulasi silang di antara tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh dengan status responden. Data menunjukkan bahawa, seramai 23.2% responden tahun 1 menghadapi masalah tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh ketika menggunakan sumber elektronik. Ini diakui oleh 20.2% responden tahun 3, 13.1% responden sarjana dan 1% responden tahun 2 serta responden tahun 4.

**Jadual 4.17.8a**  
**Tabulasi silang tidak semua bahan disediakan**  
**dalam teks penuh dengan status**  
**n=99**

Bahan tidak dlm teks penuh	Status											
	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		Tahun 4		Sarjana		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%	N	%		
Tidak	14	14.1	1	1.0	3	3.0	-	-	23	23.2	41	41.4
Ya	23	23.2	1	1.0	20	20.2	1	1.0	13	13.1	58	58.6
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>37.4</b>	<b>2</b>	<b>2.0</b>	<b>23</b>	<b>23.2</b>	<b>1</b>	<b>1.0</b>	<b>36</b>	<b>36.4</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Manakala responden yang tidak terlibat dengan masalah tersebut mencatatkan 14.1% untuk responden tahun 1, 23.2% untuk responden sarjana, 3% responden tahun 3 dan 1% responden tahun 2.

Jadual 4.17.8b merupakan tabulasi silang di antara tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh dengan umur. Didapati, seramai 46.5% responden berumur bawah 30 tahun, 10.1% responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun dan 41 hingga 50 tahun menghadapi masalah tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh ketika menggunakan sumber elektronik.

**Jadual 4.17.8b**  
**Tabulasi silang tidak semua bahan disediakan**  
**dalam teks penuh dengan umur**  
**n=99**

Bahan tidak dlm teks penuh	Umur							
	Bawah 30 tahun		31 – 40 tahun		41 – 50 tahun		N	%
	N	%	N	%	N	%		
Tidak	23	23.2	11	11.1	7	7.1	41	41.4
Ya	46	46.5	10	10.1	2	2.0	58	58.6
<b>Jumlah</b>	<b>69</b>	<b>69.7</b>	<b>21</b>	<b>21.2</b>	<b>9</b>	<b>9.1</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

Namun begitu, keadaan ini tidak berlaku kepada 23.2% responden berumur bawah 30 tahun, 11.1% responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun dan 7.1% responden berumur di antara 41 hingga 50 tahun.

Jadual 4.17.8c di bawah merupakan tabulasi silang di antara tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh dengan jantina responden. Data menunjukkan bahawa, seramai 41.4% responden perempuan dan 17.2% responden lelaki menghadapi masalah tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh ketika menggunakan sumber elektronik berbanding 21.2% responden perempuan dan 20.2% responden lelaki yang tidak menghadapi masalah tersebut.

**Jadual 4.17.8c**  
**Tabulasi silang tidak semua bahan disediakan**  
**dalam teks penuh dengan jantina**  
**n=99**

Bahan tidak dlm teks penuh	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Tidak	20	20.2	21	21.2	41	41.4
Ya	17	17.2	41	41.4	58	58.6
<b>Jumlah</b>	<b>37</b>	<b>37.4</b>	<b>62</b>	<b>62.6</b>	<b>99</b>	<b>100</b>

#### 4.42 Siapa yang dihubungi jika menghadapi masalah

Jadual 4.18 memaparkan soalan mengenai siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah ketika menggunakan sumber elektronik. Soalan ini melibatkan kepada 65 orang responden.

**Jadual 4.18**  
**Siapa yang dihubungi jika menghadapi masalah**  
**n=65**

Siapa yang dihubungi	Jumlah responden	Peratus
Pihak perpustakaan	4	4.0
Kawan-kawan	30	29.7
Mencuba sendiri	27	26.7
Lain-lain	4	4.0
<b>Jumlah</b>	<b>65</b>	<b>64.4</b>
<b>Tidak berjawab</b>	<b>36</b>	<b>35.6</b>

Daripada data tersebut, seramai 29.7% responden mengatakan akan menghubungi kawan-kawan sekiranya menghadapi masalah, diikuti dengan 26.7% mencuba sendiri dan 4% menghubungi perpustakaan dan menanda lain-lain jawapan. Antara lain-lain jawapan yang menjadi pilihan ketika menghadapi masalah ialah dengan meminta bantuan juruteknik, meminta bantuan kepada orang yang mengetahui, menukar kepada komputer yang lain atau membiarkan sahaja masalah tersebut tanpa jalan penyelesaian.

Jadual 4.18a memaparkan tabulasi silang di antara siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah kepada status responden. Didapati, seramai 18.5% responden tahun 1 akan menghubungi kawan-kawan, diikuti 4.6% pihak perpustakaan dan mencuba sendiri serta 3.1% untuk lain-lain sekiranya terjadi keadaan sedemikian. Sementara itu, responden tahun 2 lebih selesa menghubungi kawan-kawan yang mencatatkan 1.5%.

**Jadual 4.18a**  
**Tabulasi silang siapa yang akan dihubungi jika**  
**menghadapi masalah dengan status**  
**n=65**

Siapa yang dihubungi	Status									
	Tahun 1		Tahun 2		Tahun 3		Sarjana		N	%
	N	%	N	%	N	%	N	%		
Pihak perpustakaan	3	4.6	-	-	-	-	1	1.5	4	6.2
Kawan-kawan	12	18.5	1	1.5	11	16.9	6	9.2	30	46.2
Mencuba sendiri	3	4.6	-	-	9	13.8	15	23.2	27	41.5
Lain-lain	2	3.1	-	-	1	1.5	1	1.5	4	6.2
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>30.8</b>	<b>1</b>	<b>1.5</b>	<b>21</b>	<b>32.3</b>	<b>23</b>	<b>35.4</b>	<b>65</b>	<b>100</b>

Manakala responden tahun 3 memilih menghubungi kawan-kawan, mencuba sendiri atau lain-lain yang mencatatkan 16.9%, 13.8% dan 1.5%. Seterusnya, pelajar sarjana mencatatkan 23.2% untuk mencuba sendiri, 9.2% kawan-kawan serta 1.5% pihak

perpustakaan dan lain-lain untuk dihubungi jika menghadapi masalah ketika menggunakan sumber elektronik.

Jadual 4.18b memaparkan tabulasi silang di antara siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah dengan umur responden. Didapati, responden berumur di bawah 30 tahun memilih untuk menghubungi kawan-kawan, mencuba sendiri, lain-lain dan pihak perpustakaan sekiranya menghadapi masalah menggunakan sumber elektronik. Ia mencatatkan 38.5%, 26.2%, 6.2% dan 3.1%

**Jadual 4.18b**  
**Tabulasi silang siapa yang akan dihubungi jika**  
**menghadapi masalah dengan umur**  
**n=65**

Siapa yang dihubungi	Umur						N	%
	Bawah 30 tahun		31 – 40 tahun		41 – 50 tahun			
	N	%	N	%	N	%		
Pihak perpustakaan	2	3.1	1	1.5	1	1.5	4	6.2
Kawan-kawan	25	38.5	1	1.5	4	6.2	30	46.2
Mencuba sendiri	17	26.2	9	13.8	1	1.5	27	41.5
Lain-lain	4	6.2	-	-	-	-	4	6.2
<b>Jumlah</b>	<b>48</b>	<b>73.8</b>	<b>11</b>	<b>16.9</b>	<b>6</b>	<b>9.2</b>	<b>65</b>	<b>100</b>

Sementara itu, seramai 13.8% responden berumur di antara 31 hingga 40 tahun memilih untuk mencuba sendiri diikuti 1.5% menghubungi pihak perpustakaan dan kawan-kawan. Manakala seramai 6.2% responden berumur di antara 41 hingga 50 tahun akan menghubungi kawan-kawan dan selebihnya menghubungi pihak perpustakaan dan mencuba sendiri yang berjumlah 1.5% untuk kedua-duanya.

Jadual 4.18c merupakan tabulasi silang di antara siapa yang akan dihubungi jika menghadapi masalah dengan jantina responden.

**Jadual 4.18c**  
**Tabulasi silang siapa yang akan dihubungi jika**  
**menghadapi masalah dengan jantina**  
**n=65**

Siapa yang dihubungi	Jantina					
	Lelaki		Perempuan		N	%
	N	%	N	%		
Pihak perpustakaan	1	1.5	3	4.6	4	6.2
Kawan-kawan	7	10.8	23	35.4	30	46.2
Mencuba sendiri	12	18.5	15	23.1	27	41.5
Lain-lain	0	0	4	6.2	4	6.2
<b>Jumlah</b>	<b>20</b>	<b>30.8</b>	<b>45</b>	<b>69.2</b>	<b>65</b>	<b>100</b>

Data menunjukkan, seramai 18.5% responden lelaki lebih selesa mencuba sendiri, diikuti dengan 10.8% kawan-kawan dan 1.5% pihak perpustakaan. Sementara itu, seramai 35.4% responden perempuan akan menghubungi kawan-kawan, 23.1% mencuba sendiri, 6.2% memilih lain-lain dan 4.6% menghubungi perpustakaan.

#### 4.5 Perbincangan

Bahagian ini membincangkan dapatan kajian yang diperolehi melalui ulasan penulisan oleh penyelidik-penyelidik terdahulu. Perbincangan ini wajar dilakukan kerana ia akan melihat kaitan di antara kajian yang lepas dengan kajian terkini.

Hasil dapatan kajian yang dilakukan oleh pengkaji mendapati, kebanyakan pelajar yang menggunakan internet bertujuan untuk menyiapkan tugas, menambah pengetahuan dan mendapatkan bahan untuk *presentation*. Manakala kajian yang pernah dijalankan oleh Wilson (1997) dan Al-Khezzi (2002) pula menunjukkan pelajar menggunakan internet untuk menyiapkan tugas dan kerja kursus, mengadakan perbincangan serta mengakses kursus atas talian.



Selain itu, hasil kajian yang sama juga telah di kenal pasti melalui kajian yang pernah dilakukan oleh Majid dan Tan (2002). Melalui kajian ini pengkaji mendapati penggunaan sumber elektronik yang paling rendah digunakan oleh pelajar ialah buku elektronik, CD-ROM elektronik dan pangkalan data elektronik. Sementara, dapatan kajian Majid dan Tan pula menunjukkan pelajar kurang berminat untuk menggunakan pangkalan data dan jurnal elektronik.

Selain itu, kajian yang dibuat oleh Al-Harbi (2002) mendapati, pelajar lebih cenderung untuk menggunakan internet dalam mencari maklumat berbanding perkhidmatan perpustakaan yang lain. Sementara dapatan kajian pengkaji ialah pengguna paling kerap menggunakan perkhidmatan internet berbanding sumber elektronik lain. Dapatan kajian ini menyamai juga dengan kajian De Groot dan Dorcsh (2003). Beliau mendapati seramai 98% pelajar mengakses internet, 53% menggunakan MEDLINE sementara pangkalan data lain menunjukkan penggunaan yang paling rendah di antara semuanya.

Aspek sumbangan sumber elektronik kepada pelajar-pelajar yang diperolehi oleh pengkaji mendapati internet memberi sumbangan yang tidak ternilai kerana ia menjimatkan masa, membantu dalam tugas, menjimatkan wang serta memberikan maklumat terkini dan berkualiti. Sementara kajian Zakari (2000) menunjukkan internet telah memudahkan pelajar untuk mendapat/menerima pelbagai sumber maklumat, cepat, memudahkan komunikasi dan menyimpan sumber maklumat terkini.

Sementara itu, dapatan yang diperolehi oleh pengkaji hampir sama juga dengan kajian yang dilakukan oleh Jackson dan Pershing (1993). Pengkaji mendapati semua pengguna yang menggunakan sumber elektronik adalah pengguna peringkat pertengahan. Mereka mempelajari sumber elektronik daripada kawan-kawan, mencuba dan melakukan

kesilapan, belajar sendiri dan mengikuti kursus di universiti. Kajian Jackson dan Pershing pula menunjukkan, pengguna mempelajari cara menggunakan pangkalan data melalui latihan yang diberikan oleh perpustakaan. Seramai 67.7% pelajar yang mengikuti latihan ini, berpuas hati dengan keputusan carian berbanding 47.4% pelajar yang tidak mengikuti latihan.

Seterusnya, hasil dapatan kajian Martin (2003) menunjukkan perbandingan waktu penggunaan di antara pelajar tahun 1 dan pelajar program pascasiswazah (GEP). Beliau mendapati pelajar pascasiswazah menggunakan sekurang-kurangnya sekali seminggu kemudahan perpustakaan berbanding pelajar tahun 1. Sementara dapatan pengkaji agak berbeza kerana kebanyakan responden lebih gemar menggunakan sumber elektronik beberapa kali dalam seminggu.

Kajian yang dilakukan oleh Milam e.t al (2003) menunjukkan pelajar-pelajar di Universiti Amerika Syarikat mengakses internet daripada makmal komputer, kelas elektronik, rumah flat atau pun dari bilik asrama. Sementara dapatan kajian pengkaji pula mendapati pengguna menggunakan sumber elektronik dari rumah, makmal komputer fakulti, perpustakaan, kedai siber dan pusat komputer universiti.

Dapatan terakhir yang menyamai dapatan pengkaji dilakukan oleh Ariyapala dan Edzan (2002). Beliau mendapati pengguna yang menggunakan perkhidmatan OPAC di perpustakaan Universiti Malaya mengatakan OPAC amat mudah digunakan tetapi maklumat yang dicapai adalah amat perlahan. Sementara pengkaji pula mendapati masalah yang dihadapi oleh pengguna ialah pencarian yang lama, bahan bukan dalam teks penuh, server down dan masalah bahasa.

#### **4.7 Ringkasan**

Secara keseluruhannya bahagian ini merupakan analisis soal selidik yang menghuraikan profil peribadi, penggunaan sumber elektronik, pendedahan terhadap komputer dan latihan yang didapati, masalah penggunaan serta dapatan kajian. Untuk meneruskan kajian, bahagian yang seterusnya iaitu bab lima akan membicarakan pula perbincangan, cadangan dan kesimpulan kajian yang telah dilakukan.

University of Malaya

## **BAB 5**

### **PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN**

#### **5.0 Pengenalan**

Bab ini akan membicarakan perbincangan, cadangan dan kesimpulan berdasarkan penyelidikan yang telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Bahagian ini amat penting kerana maklumat yang dibincangkan akan menyenaraikan cadangan-cadangan yang membina kepada semua pihak terutamanya pihak perpustakaan Universiti Malaya dalam membantu meningkatkan perkhidmatan perpustakaan kepada pelajar sekaligus menyediakan prasarana yang lebih menyeluruh kepada mereka.

#### **5.1 Dapatan persoalan kajian**

Bahagian ini akan membincangkan dapatan kajian yang diperolehi dari analisis data merujuk kepada persoalan kajian yang dikemukakan. Kesemua dapatan yang diperolehi ini dipaparkan mengikut bahagian-bahagian yang telah ditetapkan.

Merujuk kepada data yang diperolehi didapati, pelajar tahun 1 dan sarjana merupakan responden yang paling ramai terlibat di dalam penyelidikan ini di mana jumlah mereka mencatatkan 36.6% atau 37 orang. Ini diikuti pula dengan responden tahun 3 yang berjumlah 24 orang, 2 orang untuk tahun 2 dan seorang untuk tahun 4. Jumlah penglibatan yang tidak sama rata ini terjadi kerana pemilihan yang dilakukan adalah secara rawak dan tiada penetapan status dilakukan terhadap mereka.

Manakala dari segi perbezaan umur, ia menampakkan jurang yang amat luas kerana separuh daripada responden yang terlibat berumur di bawah 30 tahun yang

berjumlah 70 orang. Ini menunjukkan terdapat beberapa orang responden sarjana berumur di dalam lingkungan tersebut, kerana dalam kajian ini responden yang berumur di antara 31 hingga 40 tahun berjumlah 22 orang dan 9 orang berumur di antara 41 hingga 50 tahun. Manakala responden berumur 50 tahun dan ke atas tidak terlibat langsung di dalam kajian ini walaupun tahap umur mereka disediakan di dalam soal selidik. Kajian ini juga membuktikan pelajar perempuan paling ramai mendominasi kumpulan pelajar di universiti kerana jumlah mereka yang mengatasi pelajar lelaki.

Bagi penggunaan sumber elektronik pula, kebanyakan responden yang dikaji mendengar sumber elektronik buat pertama kalinya daripada media elektronik. Mereka ini terdiri daripada 15 orang responden tahun 1, 12 orang responden tahun 3 dan 21 orang responden sarjana. Daripada jumlah responden yang terlibat, hanya seorang responden sahaja yang mendengar sumber elektronik daripada pensyarah.

Seterusnya dapatan menunjukkan responden di Fakulti Pendidikan sering menggunakan sumber elektronik dari rumah, makmal komputer fakulti, perpustakaan, kedai siber dan pusat komputer di universiti. Penggunaan yang tiada had dan batasannya membuktikan pelajar di Fakulti Pendidikan berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan maklumat tidak kira di mana sahaja mereka berada asalkan maklumat yang diinginkan itu diperolehi dengan segera.

Berdasarkan kepada kajian itu juga, seramai 50.5% orang responden paling kerap menggunakan perkhidmatan internet. Walaupun sumber elektronik yang lain juga disediakan, ia tidak menampakkan penggunaan yang tinggi. Antara sumber elektronik yang turut digunakan ialah 23.2% penggunaan OPAC, 13.4% jurnal elektronik, 8.8% pangkalan data, 3.6% CD-ROM dan 0.5% buku elektronik. Daripada maklumat tersebut

mendapati, responden di Fakulti Pendidikan kurang berminat untuk menggunakan sumber selain internet ataupun dalam erti kata lain mereka kurang mahir dan kurang berpengalaman untuk menggunakan sumber elektronik yang disediakan.

Dapatan yang diperolehi menunjukkan kebanyakan responden lebih selesa memilih menggunakan perkhidmatan internet ketika mencari maklumat kerana maklumat yang diperolehi adalah tepat dan benar-benar membantu mereka di dalam menyediakan maklumat. Selain itu, mereka turut mengatakan internet adalah mesra pengguna kerana antaramukanya yang mudah difahami walaupun mereka merupakan pengguna baru. Kenyataan ini berkemungkinan menunjukkan responden di Fakulti Pendidikan tidak pernah berusaha menggunakan sumber elektronik lain yang disediakan oleh perpustakaan kepada mereka.

Bagi penggunaan sumber elektronik pula, didapati kebanyakan responden menggunakan sumber elektronik bertujuan untuk menyiapkan tugas, menambah pengetahuan dan mendapatkan bahan untuk *presentation*. Hanya 7.7% orang sahaja yang mengatakan mereka menggunakan sumber elektronik bagi menyiapkan disertasi. Untuk tujuan itu, mereka telah meluangkan masa lebih kurang 1 hingga ke dua jam iaitu beberapa kali dalam seminggu bagi mendapatkan maklumat yang diinginkan.

Kekerapan yang diperolehi dari penggunaan sumber elektronik menunjukkan, seramai 45.5% orang responden lebih gemar menggunakan sumber elektronik beberapa kali seminggu iaitu pada hari Isnin hingga Jumaat. Kekerapan ini terjadi apabila responden telah meluangkan masa yang ada terutamanya ketika tiada kuliah bagi menggunakan sumber elektronik di makmal komputer fakulti atau perpustakaan. Sementara, penggunaan lebih dari sekali sehari menjadi pilihan responden sarjana kerana bidang tugas yang menuntut mereka menggunakan sumber elektronik dengan lebih kerap

lagi.

Selain itu pandangan responden terhadap maklumat yang terdapat di dalam sumber elektronik turut diperolehi. Rata-rata responden mengatakan sangat bersetuju dan berpuas hati sumber elektronik memberi sumbangan yang tidak ternilai kepada pencarian maklumat mereka kerana ia menjimatkan masa, membantu dalam tugas, menjimatkan wang, memberi maklumat terkini dan berkualiti serta membantu mengakses kepada maklumat yang lebih luas. Pencarian maklumat mereka akan bermasalah sekiranya tidak menggunakan sumber elektronik yang terdapat di dalam perpustakaan.

Dapatan kajian yang didapati dari pendedahan penggunaan komputer dan latihan sumber elektronik membuktikan bahawa seramai 75.2% orang pengguna yang terlibat merupakan pengguna di peringkat pertengahan dan hanya 11.9% orang sahaja yang merupakan pengguna baru. Kebanyakan mereka ini pula mempelajari sumber elektronik daripada kawan-kawan, mencuba dan silap, belajar sendiri atau pun mendapatkannya melalui kursus yang ditawarkan di universiti. Mereka mengatakan latihan yang diterima adalah secara sederhana sahaja.

Akhir sekali, dapatan menunjukkan masalah utama yang dihadapi oleh responden ketika menggunakan sumber elektronik ialah masa pencarian yang lama dan tidak semua bahan disediakan dalam teks penuh. Selain itu, masalah susah atau lambat dihubungkan dengan maklumat diingini, server down dan masalah bahasa juga, turut menjadi penyebab kepada masalah penggunaan sumber elektronik. Oleh itu, bagi memastikan masalah tersebut dapat diselesaikan, kebanyakan responden mengambil langkah dengan meminta bantuan kawan-kawan atau mencuba sendiri sehingga masalah tersebut dapat diselesaikan.

## 5.2 Cadangan

Daripada kajian yang dilakukan didapati kesemua responden menggunakan sumber elektronik dalam kehidupan seharian. Ini terbukti daripada soal selidik yang telah diedarkan kepada mereka. Bagi memastikan penggunaan sumber elektronik yang berterusan, beberapa pendekatan perlu di ambil. Antaranya ialah :

### 5.2.1 Mewajibkan pelajar mengikuti kelas kemahiran maklumat

Memang tidak dapat dinafikan bahawa perpustakaan Universiti Malaya menyediakan kelas kemahiran maklumat kepada pelajar-pelajar yang melanjutkan pelajaran ke sana. Kelas kemahiran ini pula telah diwajibkan kepada semua pelajar untuk mengambilnya kecuali pelajar ijazah lanjutan yang diberi pilihan untuk mengikutinya atau pun tidak.

Namun begitu, dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan hanya 29.2% responden ijazah dasar dan 5.1% ijazah lanjutan sahaja yang pernah mengikuti kelas tersebut sebaliknya seramai 65.7% responden tidak pernah berbuat demikian. Maklumat yang diperolehi ini membuktikan bahawa, walaupun kelas kemahiran maklumat telah diwajibkan kepada semua pelajar, masih kedapatan pelajar yang mengatakan tidak pernah mengikutinya. Dalam erti kata yang lain, pelajar berkenaan tidak memahami langsung makna sumber elektronik dan pengisian yang terkandung di dalamnya.

Selain itu, data yang diperolehi juga menunjukkan seramai 31.3% responden sarjana tidak pernah mengikuti kelas kemahiran maklumat yang disediakan kepada mereka. Bagi memastikan kesemua pelajar di Universiti Malaya celik kepada penggunaan sumber elektronik, wajarlah diwajibkan kepada semua pelajar terutamanya



pelajar ijazah lanjutan mengikuti kelas kemahiran yang sememangnya terdapat di perpustakaan Universiti Malaya.

### *5.2.2 Memantau pengetahuan pelajar*

Satu usaha yang berterusan harus dilakukan sekiranya ingin melihat pelajar-pelajar di universiti menguasai sumber elektronik. Antara pendekatan yang boleh digunakan ialah dengan memantau pengetahuan pelajar mengenai sumber elektronik. Ia perlu dilaksanakan kerana tidak semua pelajar yang mengikuti kelas kemahiran maklumat menguasai ilmu yang diberikan serta mengaplikasikan apa yang dipelajarinya.

Oleh itu, pihak perpustakaan dikehendaki menyediakan beberapa alternatif agar ilmu yang diperolehi oleh pelajar ketika mengikuti kelas kemahiran maklumat digunakan secara berterusan. Antara usaha yang boleh dilakukan ialah dengan menyediakan soal selidik terhadap keberkesanan ilmu yang diperolehi dan sekiranya masih terdapat kelemahan di kalangan pelajar, kelas tambahan kemahiran maklumat perlu disediakan. Dengan cara ini, pelajar yang ketinggalan dapat menguasai kembali kemahiran maklumat yang diberikan kepada mereka.

### *5.2.3 Menggalakkan pelajar menggunakan pelbagai sumber elektronik*

Dapatan kajian yang diperolehi menunjukkan kebanyakan pelajar lebih selesa menggunakan perkhidmatan internet berbanding sumber elektronik yang lain. Ini terbukti apabila 101 orang responden yang terlibat, seramai 98 orang responden telah memilih untuk menggunakan internet. Sementara itu, sumber elektronik yang lain pula tidak mencapai kepada separuh penggunaan.

Walaupun penggunaan internet menunjukkan jumlah yang memberangsangkan, dari satu segi ia menampakkan kekurangan atau kelemahan kepada penggunaan sumber elektronik yang disediakan oleh pihak perpustakaan. Bagi memastikan penggunaan yang tidak sama rata ini, pihak yang terlibat harus melihat sebab dan akibat mengapa keadaan ini berlaku.

Untuk tujuan itu, perlu diadakan satu tindakan yang sesuai untuk menggalakkan pelajar-pelajar menggunakan pelbagai sumber elektronik dengan menerangkan faedah ke atas maklumat yang diperolehi sekiranya menggunakan sumber elektronik yang pelbagai. Secara tidak langsung, ia akan menarik minat pelajar untuk meneroka sumber elektronik lain yang disediakan.

#### *5.2.4 Menyediakan latihan yang secukupnya*

Kebanyakan responden yang dikaji mengatakan latihan yang diterima ketika menggunakan sumber elektronik adalah secara sederhana. Ini bermakna penguasaan terhadap sumber elektronik tidak berada pada tahap yang memuaskan. Penguasaan yang agak rendah ini juga, jika tidak dibendung dengan segera akan menjadi bertambah serius pada masa hadapan.

Pelbagai alternatif boleh dilakukan oleh pihak perpustakaan bagi mengatasi masalah ini. Salah satunya ialah dengan mempertingkatkan latihan dan pembelajaran dengan menyediakan modul yang lebih berkesan. Maklumat yang diperolehi menunjukkan, sebilangan pelajar mempelajari menggunakan sumber elektronik melalui kawan-kawan, belajar sendiri ataupun meminta bantuan daripada pensyarah. Keadaan ini jika diperhalusi menunjukkan latihan yang diberi tidak mencapai kepada matlamatnya.

### *5.2.5 Mengatasi masalah yang sering dialami oleh pelajar*

Berdasarkan kepada kajian, rata-rata responden menyampaikan perasaan tidak puas hati terhadap masalah yang dialami ketika menggunakan sumber elektronik. Antara masalah yang disenaraikan ialah masa pencarian yang lama, masalah teknikal, susah/lambat dihubungkan dengan maklumat yang diingini, *server down* dan sebagainya.

Bagi memastikan perkara-perkara sebegini tidak berulang lagi, pihak perpustakaan boleh meyakinkan pihak organisasi induk mengenai masalah tersebut dan mencari jalan penyelesaian agar perjalanan penggunaan sumber elektronik dapat diakses dengan lebih mudah lagi pada masa hadapan.

### *5.2.6 Memperbanyakkan program kemahiran sumber elektronik*

Dalam mempertingkatkan kesedaran maklumat di kalangan pelajar, satu usaha harus dilakukan bagi memperbanyakkan program kemahiran sumber elektronik. Contohnya ialah dengan mengadakan bengkel atau kursus menggunakan pangkalan data atau sumber elektronik yang lain, mengadakan seminar kemahiran maklumat dan sebagainya. Berdasarkan hasil kajian, secara puratanya para pelajar kurang pendedahan terhadap penggunaan jurnal elektronik, pangkalan data elektronik, CD-ROM elektronik dan buku elektronik. Oleh itu, dengan adanya program-program tersebut, diharapkan dapat membantu pelajar menguasai sumber elektronik secara keseluruhannya.

## **5.3 Kajian lanjutan**

Sebagai satu kajian yang terhad, dapatan kajian yang telah diperolehi berkemungkinan tidak dapat mencerminkan penggunaan sumber elektronik yang sebenar

di kalangan pelajar di fakulti-fakulti yang lain. Penggunaannya juga pasti berbeza dengan sumber elektronik yang terdapat di universiti yang lain.

Oleh itu, untuk melihat beberapa kelainan terhadap kajian yang akan dijalankan, pengkaji mengharapkan penyelidik-penyelidik yang berminat untuk mengkaji tentang penggunaan sumber elektronik pada masa hadapan dapat mengkaji dan meneliti penggunaan sumber elektronik di setiap fakulti dan membandingkan penggunaannya di kalangan pelajar-pelajar. Oleh itu, barulah boleh dikenal pasti sumber elektronik mana yang paling tepat membantu pelajar ketika mencapai maklumat dan masalah yang dihadapi oleh mereka.

Selain itu, pengkaji juga mengharapkan penyelidik-penyelidik yang berminat akan menjalankan penyelidikan ke atas penggunaan sumber elektronik di antara universiti-universiti yang terdapat di Malaysia. Hasil kajian ini nanti diharapkan dapat dijadikan panduan kepada pihak-pihak tertentu mengenai arah tuju sumber elektronik di universiti pada masa hadapan..

#### **5.4 Kesimpulan**

Berdasarkan kepada kajian yang dijalankan didapati, penggunaan sumber elektronik di kalangan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan adalah bersifat positif. Walaupun kebanyakan daripada mereka lebih gemar menggunakan perkhidmatan internet, sekurang-kurangnya ada di antara mereka yang tidak ketinggalan menggunakan sumber elektronik yang lain. Namun begitu, jumlah yang tertera tidak begitu memberangsangkan kerana penggunaannya yang tidak mencapai kepada separuh daripada pengguna yang terlibat.

Bagi mengatasi masalah tersebut, beberapa alternatif perlu dilakukan agar penggunaan yang tidak sama rata ini dapat dibendung dengan segera. Pemantauan yang berterusan daripada pihak tertentu diharapkan dapat meningkatkan kembali penggunaan sumber elektronik yang pelbagai di kalangan pelajar. Selain itu bagi pihak pelajar pula, mereka harus bertindak memastikan diri mereka menguasai sumber elektronik yang disediakan. Dengan adanya usaha, kerjasama, inisiatif dan komitmen daripada pelajar, sudah pasti masalah ‘kurang arif’ ke atas sumber elektronik akan dapat diatasi jua akhirnya.

University of Malaysia

## BIBLIOGRAFI

Adika, Gifty. (2003). Internet Use Among Faculty Members of Universities in Ghana. *Library Review*. Vol.52 No.1; pp. 29-37.

Ahmad Zaharim Abdul Aziz. (1999). *Menguasai Internet*. Kuala Lumpur: Pustaka Cipta Sdn Bhd.

Al-Harbi, Abdul Mohsin Hassan. (2002). *Internet Use by Graduate Students in the Communication Department of Florida State University and Its Impact on the Use of FSU Academic Libraries*. The Florida State University. Doctoral Dissertation.

Al-Khezzi, Fahad A. (2002). *Internet Use of Graduate and Undergraduate Students in the College of Education at Kuwait University*. University of Northern Colorado. Doctoral Dissertation.

Alsehli, Fahad. (1999). *The Use of the Internet as a Research Tool by Faculty at the Schools of Information Studies in the United States*. The Florida State University. Doctoral Dissertation

Alur, Seema A., Maheswarappa, B S., Tadasad, PG. (2003). Use of Internet by Undergraduate Students of PDA College of Engineering, Gulbarga. *Annals of Library and Information Studies*. Vol. 50 No.1; pp.31-42.

Applebee, Andrelyn C., Clayton, Peter and Pascoe, Celine. (1997). Australian Academic Use of the Internet. *Internet Research: Electronic Networking Applications and Policy*. Vol.7 No.2; pp.85-94.

Ariyapala, P.G. and Edzan, N.N. (2002). Foreign Postgraduate Students and the Online Catalogue at the University of Malaya Library. *Malaysian Journal of Library & Information Science*. Vol.7, No.1; pp.57-67.

- Babbie, E. (1986). *The Practice of Social Research*. California: Wadsworth Publishing Co, Inc.
- Bailey Kenneth, D. (1992). *Kaedah Penyelidikan Sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Balraj, Leela E. (1994). *End User Satisfaction: A User Study of the CD-ROM Databases at the State University*. Kent State University. Master's Research Paper.
- Balaraman, Kamala. (1991). End Users Studies in CD-ROM Environment: Work in Progress. *Proceedings of The ASIS Annual Meeting*. Vol.28; pp.283-94.
- Barnard, John Phillip. (2000). *A Study of Internet and Library Use in Academic Setting*. Arizona State University. Doctoral Dissertation.
- Bowden, Virginia M et.al. (1991). *Medical Information Availability and Usage in South Texas*. Research Report from ERIC Database; pp.154.
- Bowers, Eric and Lewis, Richard. (1999). Student Responses to the Use of CD-ROM Materials in an Open University Course. *Open Learning*. Vol.14 No.2; pp.59-63.
- Boyce, P.B. and Dalteris, H. (1996). Electronic Publishing of Scientific Journals. *Physics Today*. Vol. 49, pp.42-7 Diperolehi dari: [http://www.aas.org/\[similar\]pboyce/epubs/pt-art.htm](http://www.aas.org/[similar]pboyce/epubs/pt-art.htm) Tarikh: 24 December 2003.
- Brophy, P. (1993). Networking in British Academic Libraries. *British Journal of Academic Librarianship*. Vol.8 No.1; pp.49-60.
- Bucknall, Tim and Mangrum, Rikki. (1992). U-Search: A User Study of the CD-ROM Service at the University of North Carolina at Chapel Hill. *RQ*. Vol. 31 No.4; pp.542-53.

- Carroll, Bonnie C., R.F. Jack and G.A. Cotter. (1990). *Data Policy and Availability Supporting Global Change Research, Development and Decision Making*. An Information Perspective: NASA, TM-105137.
- Caudle Dana, M. (2003). *The Catalog of the Future: Integrating Electronic Resources. ACRL Eleventh National Conference*. April 10-13, Charlotte, North Carolina.
- Chern Li Liew, Foo Schubert and Chennupati, K.R. (2000). A Study of Graduate Student End-Users' Use and Perception of Electronic Journals. *Online Information Review*. Vol.24 No.4; pp 302-315.
- Chochenour, D. and Moothart, T. (2003). E-Journal Acceptance at Colorado State University: A Case Study. *Serials Review*. Vol. 29 No.1; pp.16-25.
- Compton, Lawrence E. (1991). *A Study of the Use of CD-ROM Computer Systems and Print Indexes at the University of Georgia Main Library*. Research Report from ERIC Database.
- Computer User.com*. (2004.)  
 Diperoleh <http://www.computeruser.com/resources/dictionary/definition.html?lookup=671> Tarikh: 22 Desember 2003.
- Connaway, Lynn Silipigni., Johnson, Debra Wilcox and Searing, Susan E. (1997). Online Catalogs from the User's Perspective: The Use of Focus Group Interviews at the University of Wisconsin-Madison Library. *College & Research Libraries*. Vol. 58; pp.403-20.
- Cornish, G.P. (1997). *Electronic Document Delivery Services and Their Impact on Collection Management*, in Gorman, G.E and Miller, R.H (Eds), *Collection Management for the 21<sup>st</sup> Century: A Handbook for Librarians*. Greenwood Press, Westport, CT, pp.159-88.



- Crawford, John and Daye, Andrew (2000). A Survey of the Use of Electronic Services at Glasgow Caledonian University Library. *The Electronic Library*. Vol. 18 No.4; pp.255-265.
- Culbertson, Michael. (1992). Analysis of Searches by End-Users of Science and Engineering CD-ROM Databases in An Academic. *CD-ROM Professional*. Vol.5 No.2; pp.76-79.
- Dilevko, Juris and Gottlieb, Lisa. (2002). Print Sources in An Electronic Age: A Vital Part of the Research Process for Undergraduate Students. *The Journal of Academic Librarianship*. Vol.28 No.6; pp.381-92.
- De Groote, S.L and Dorsch, J.L. (2003). Measuring Use Patterns of Online Journals and Databases. *Journal of The Medical Library Association*. Vol.91 No.2; pp.231-41.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (1998). *Kamus Dewan Edisi Ketiga*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ensor, Pat. (1992). Knowledge Level of User and Nonusers of Keyword/Boolean Searching On An Online Public Access Catalog. *RQ*. Vol.32 No.1; pp.60-74.
- Fakulti Pendidikan. (2003). *Buku Panduan Program Ijazah Dasar Sesi 2003/2004*. Universiti Malaya: Fakulti Pendidikan.
- Greenspan, R. (2003). *College Students Surf, Spend*. Didapati dari: <http://cyberatias.internet.com> Tarikh: 5 April 2004.
- Herring, Davis Susan. (2002). *Use of Electronic Resources in Scholarly Electronic Journals: A Citation Analysis*. *College Libraries* Vol.63 No.4.

- Heterick, Bruce. (2002). *Faculty Attitudes Toward Electronic Resources*. Educase Review. Didapati dari: <http://www.educase.edu/pub/er/erm.html> Tarikh: 17 Januari 2004.
- Hilderth, Charles R. (1997). The Use and Understanding of Keyword Searching in a University Online Catalog. *Information Technology and Libraries*. Vol. 6 No.2; pp.52-62.
- Hsieh-Yee, Ingrid. (1996). Student Use of Online Catalogs and Other Information Channels Use of ALADIN at the American University and the University of the District of Columbia. *College & Research Libraries*. Vol.57; pp. 161-75.
- Information Technology and Libraries. (ND). A Study of the Use of the Carlos III University of Madrid Library's Online Database Service in Scientific Endeavor. *Information Technology and Libraries*. Vol.22 No.4; pp.179-9.
- Jackson-Brown, Grace and Pershing, Gwendolyn. (1993). Comparisons of Graduate and Undergraduate End-Users of ERIC and PsycLit on CD-ROM. *Conference Paper at the Association of College and Research Libraries National Conference*. (6<sup>th</sup>, Salt Lake City, UT, April 12-14, 1993).
- Jirojwong, Sasnee and Wallin Margie. (2002). *Use of formal and Informal Methods to Gain Information Among Faculty at an Australia Regional University*. *The Journal of Academic Librarianship*. Vol.28 No1/2; pp.68-73.
- Kaminer, Noam. (1997). *Internet Use and Scholars Productivity*. University of California, Berkeley. Doctoral Dissertation.
- Korgen, Kathleen., Odell, Patricia and Schumacher. (2001). *Internet Use Among College Students: Are There Differences by Race/Ethnicity?* Electronic Journal of Sociology. Diperolehi dari: <http://www.sociology.org/content/vol005.003/korgen.html>) Tarikh: 11 Ogos 2003.

- Kumbar, Mallinath and Shirur, Shiddayya. (2003). Internet and Its Use in Sree Jayachamarajendra College of Engineering: A Case Study. *SRELS Journal of Information Management*. Vol.40 No.2; pp.169-176.
- Lancaster, F.W. and Sandor, Beth. (1997). *Technology And Management in Library and Information Service*. London: Library Association.
- Lagier, Jennifer. (2002). *Measuring Usage and Usability of Online Databases at Hartnell College: An Evaluation of Selected Electronic Resources (California)*. Nova Southeastern University. Doctoral Dissertation.
- Law, Darnell L. (2000). *A Comparison of Traditional and Non Traditional Students and Their Ease of Interactivity Between Telnet and Web-Based Online Catalogs*. Kent State University. Master Research Paper.
- Lazinger S., Bar-Ilan, J. and Peritz, B.C. (1997). Internet Use by Faculty Members in Various Disciplines: A Comparative Case Study. *Journal of The American Society of Information Science*. Vol. 48 No.6; pp.508-18.
- Library of Congress, *Collection Policy Statements*. (2004).  
Diperolehi dari: <http://www.loc.gov/acq/devpol/electron.html> Tarikh: 7 January 2004.
- Liebscher, P., Abels, E.G and Denman, D.W. (1997). Factors that Influence the Use of Electronic Networks by Science and Engineering Faculty at Small Institutions. *Journal of The American Society of Information Science*. (USA) Vol.47 No.2; pp. 146-158.
- Liew, C.L Foo, S. and Chennupati, K.R. (2000). A Study of Graduate Student End Users Use and Perception of Electronic Journals. *Online Information Review*. Vol. 24, No. 4; pp.302-315.

- Lombardo, Shawn V. and Condic, Kristine S. (2001). Convenience or Content: A Study of Undergraduate Periodical Use. *Reference Services Review*. Vol.29 No.4; pp.327-338.
- Mahmood Nazar Mohamad and Marican, Sabitha. (1998). *Pengenalan Kepada Sains Sosial*. Universiti Utara Malaysia. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.
- Majid, S. and Tan, A.T. (2002). Usage of Information Resources by Computer Engineering Students: A Case Study of Nan Yang Technological University, Singapore. *Online Information Review*. Vol.26 No.5; pp.318-25.
- Manal Al-Qaisi and S. Nazim Ali. (1995). Searching CD-ROM Databases For Non-English Speaking Users. *New Library World*. Vol.96 No.4; pp.24-27.
- Mansour, Essam Abd El-Halim Hassan. (2002). *Internet Use by Students in the South Valley University (Egypt): A Baseline and Descriptive Study*. University of Pittsburgh. Doctoral Dissertation.
- Martin, S. (2003). Impact of A Graduate Entry Program on A Medical School Library Service. *Health Information and Libraries Journal*. Vol.21 No.1; pp.42-9.
- McCarthy, C.A. et al. (1997). Expectations and Effectiveness Using CD-ROMs: What Do Patrons Want and How Satisfied Are They? *College and Research Libraries*. Vol.58; pp.128-42.
- Mehta, Usha and Young, Virginia. (1995). Use of Electronic Information Resources: A Survey of Science and Engineering Faculty. *Science and Technology Libraries*. Vol.15 No.3; pp.43-54.
- Milam, Aiken et al. (2003). College Student Internet Use. *Campus Wide Information System*. Vol.20 No.5; pp.182-185.

- Milne, Patricia. (1999). *Electronic Access to Information and Its Impact on Scholarly Communication* Diperolehi dari :  
<http://www.csu.edu.my.au/special/online99/305b.htm> Tarikh: 8 Januari 2004.
- Missingham, R. (2001). *Electronic Resources: New Issues for Library Systems with New Solutions*. ADLUG Meeting September, Rome. Diperolehi dari:  
<http://www.istl.org/02-summer/article2.html> Tarikh: 8 Januari 2004.
- Mohd Majid Konting. (1994). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moraine Valley Community College. (2001).  
Diperolehi dari : <http://www.morainevalley.edu/lrctutorial/whatareodb.htm>  
Tarikh : 22 Desember 2003.
- Moscoco, P. et al. (1995). The Use of Online and CDROM Databases in Spanish University Centralized Bibliographic Services. *Online & CDROM Review*. Vol.19; pp.3-12.
- NA. (2003). The Future of Digital Libraries. *The Journal of Academic Librarianship*. Vol. 29 No.5; pp.276-89.
- Neuman, W.L. (2000). *Social Research Methods, Qualitative and Quantitative Approaches (4<sup>th</sup> edition)*. United States of America: A Person Education Company.
- Nichols, Ashton. (ND) *Electronic Resources for Nineteenth Century Studies: A Provisional Appraisal*. Diperolehi dari:  
<http://www.fandm.edu/Departments/English/Ohara/nicholsrev.html> Tarikh: 8 Januari 2003.

- Perdue, B. et al. (1991). Online Databases Use in Psychology: A Survey of Academic Libraries [Survey of Multi-file Searching]. *Collection Management*. Vol.14 No.1-2; pp.133-7.
- Perry, Timothy T., Perry, Leslie Anne and Hosack Curlin, Karen. (1998). Internet Use by University Students: An Interdisciplinary Study on Three Campuses. *Internet Research: Electronic Networking Applications and Policy*. Vol.8 No.2 ;pp.136-141.
- Pullinger, D (1999). Academics and The New Information Environment: The Impact of Local Factors on Use of Electronic Journals. *Journal of Information Science (UK)*. Vol.25 No.2; pp.164-172.
- Ray, K and Day, J. (1998). *Student Attitudes Towards Electronic Information Resources*. Information Research, Vol. 4 No. 2 Diperolehi dari: <http://informationr.net/ir/4-2/paper54.html> Tarikh: 23 Desember 2003.
- Rogers, S.A. (2001). *Electronic Journal Usage at Ohio State University*. College and Research Libraries Vol.62 No.1; pp.25-34.
- Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan Sains Sosial*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Rosenthal, Marilyn and Shupe, Barbara. (1995). Evaluating Patron Use of an Online Catalog. *Community & Junior College Libraries*. Vol.8 No.1; pp75-86.
- Salmeen, Enas Naji. (2002). *Internet Use by Kuwaiti Students in United States Colleges*. West Virginia University. MSJ.
- Sanna Talja and Hanni Maula. (2003). Reasons For the Use and Non Use of Electronic Journals and Databases: A Domain Analytic Study in Four Scholarly Disciplines. *Journal of Documentation*. Vol.59 No.6; pp.673-691.

- Schuck, Brian R. (1992). *Library Skills Assessment Project: Final Report*. Project Description, Indiana University South Bend.
- Shaheen Majid and Tan, A.T. (2002). Usage of Information Resources by Computer Engineering Students: A Case Study of Nan Yang Technological University, Singapore. *Online Information Review*. Vol.26 No.5; pp.318-25.
- Smith, Erin T. (2003). Changes in Faculty Reading Behavior: The Impact of Electronic Journals on the University of Georgia. *Journal of Academic Librarianship*. Vol.29 No.3; pp.162-168.
- Snelson, Pamela. (1993). Relationships Between Access and Use in Information Systems: Remote Access to and Browsing of Online Catalogs. *Proceeding of the ASIS Annual Meeting*. Vol.30;pp.73-80.
- Sulaiman Masri. (2003).** Kaedah Penyelidikan dan Panduan Penulisan. *Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd: Kuala Lumpur*.
- Tech Target Network. (2004).  
Diperolehi dari: [http://whatis.techtarget.com/definition/0,,sid9\\_gci211759,00.html](http://whatis.techtarget.com/definition/0,,sid9_gci211759,00.html)  
Tarikh : 22 Desember 2003.
- The University of Glamorgan Information Gateway. (2004).  
Diperolehi dari :[http://www.glam.ac.uk/findit/elib/e\\_journals/e\\_journals.php](http://www.glam.ac.uk/findit/elib/e_journals/e_journals.php)  
Tarikh : 22 Desember 2003.
- Tomney, H and Burton, P.F. (1998). *Electronic Journals: A Study of Usage and Attitudes Among Academics*. *Journal of Information Science*. Vol.24 No.6; pp.419-429.
- Troost, Kristina Kade. (ND). *The Use of Japanese Electronic Databases in North American Libraries*. Diperolehi dari: <http://www.aasianst.org/troost.htm> Tarikh: 5 Januari 2004.

- Urquhart, Christine et al (2003). Trends in Use of Electronic Journal in Higher Education in the UK-Views of Academic Staff and Students. *D-Lib Magazine*. Vol.9 No.6.
- Wells, Amy Tracy (1992). *Analysis of User Needs with CD-ROM Databases: A Case Study Based on Work Sampling at One University Library*. Research Report from ERIC Database ;pp.12.
- Wilson, Rebecca A. (1997). *Student's Use of the Internet for Course Related Research: Factors Which Account for Use or Non Use*. The Pennsylvania State University. EdD.
- Wrightson, Kimberly Camp. (1997). *A Survey of Faculty and Student Perceptions of the Use of Electronic Resources*. Texas Tech University. EdD.
- Zagar, Christopher Michael. (1997). *Dial-Up Use of Electronic Databases by Community College Students*. University of Arizona. Master's Dissertation.
- Zakari, Mohammed I. (2000). *The Uses of the Internet by Saudi Graduate Students in the U.S: The Implications and Potential Benefit of the Internet for Higher Education in Saudi Arabia*. Kansas State University. Doctoral Dissertation.
- Zhang, Y. (2001). Scholarly Use of Internet – Based Electronic Resources. *Journal of The American Society for Information Science & Technology, Kent State University, USA*. Vol.52 No.8; pp.628-654.
- Zuraiti Zulkifli. (1999). *Penggunaan Internet Dalam Pengajaran-Pembelajaran di Pusat Pengajian Tinggi*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. Latihan Ilmiah.